

Volume II
No. 19



Friday
19th November, 1965

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

SECOND SESSION OF THE SECOND DEWAN RA'AYAT

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 3081]

BILLS:

**The Supplementary Supply (1965) (No. 2) Bill—
Committee—**

Head S. 21 [Col. 3083]

Heads S. 23 to S. 30 [Col. 3083]

Head S. 32 [Col. 3085]

Heads S. 33 to S. 39 and S. 47 [Col. 3092]

Heads S. 41 to S. 42 and S. 44 [Col. 3103]

Heads S. 49 and S. 50 [Col. 3113]

Heads S. 52 and S. 57 [Col. 3116]

Heads S. 60 and S. 78 [Col. 3120]

Head S. 64 [Col. 3134]

Heads S. 65, S. 66, S. 69 and S. 70 [Col. 3157]

Head S. 72 [Col. 3159]

Heads S. 73 and S. 74 [Col. 3160]

**The Federal Statute Law Revision (Suits against Ruling Houses)
Bill [Col. 3161]**

**The Ministers, Assistant Ministers and Parliamentary Secretaries
Remunerations (Amendment) Bill [Col. 3165]**

ORDER OF BUSINESS (S.O. 14 (2) (Motion) [Col. 3164]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the Second Dewan Ra'ayat

Friday, 19th November, 1965

The House met at half-past nine o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).

The Honourable the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P.
(Telok Anson).

- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health,
ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour,
ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance,
ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister,
ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI
(Pasir Mas Hulu).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja
(Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J.,
P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ O. K. K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN
(Sarawak).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).

The Honourable ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

„ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).

„ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).

„ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

„ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).

„ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).

„ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).

„ ENCHE' STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

„ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).

„ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Parit).

„ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).

„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).

„ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).

„ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).

„ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).

„ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

„ ENCHE' THOMAS KANA (Sarawak).

„ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).

„ ENCHE' LEE SEK FUN (Tanjong Malim).

„ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).

„ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

„ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

„ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ DATO' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

„ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jejebu-Jempol).

„ ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).

„ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.
(Sarawak).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).

„ ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

- The Honourable DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- „ ENCHE' SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).
- „ ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

- The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, Assistant Minister (Kota Star Utara).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K., Assistant Minister (Sepang).
- „ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K. (Krian Laut).

The Honourable Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ DATU KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).

PRAYERS

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

TRADE UNIONS ACT, 1965

(Action Against Registered Trade Unions under Section 2)

1. Enche' C. V. Devan Nair (Bungsar) asks the Minister of Labour to state whether any action has been taken under section 2 of the Trade Unions Act, 1965 to reduce the number of registered trade unions.

The Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam): Mr Speaker, Sir, the answer is "No".

(Registration of Trade Unions—Refusal and Cancellation)

2. Enche' C. V. Devan Nair asks the Minister of Labour to give:

- (a) a list of applications refused registration; and

- (b) a list of registered unions cancelled under section 2 of the Trade Unions Act, 1965 and the reasons in each case under both heads.

Enche' V. Manickavasagam: Mr Speaker, Sir, as I stated just now, no action has yet been taken under the Trade Unions Act, 1965.

TRADE UNIONS ACT, 1965

(Establishment of Consultative or Co-ordinating under Section 5)

3. Enche' C. V. Devan Nair asks the Minister of Labour to give details of groups of unions which have applied to the Registrar of Trade Unions for permission under section 5 of the Trade Unions Act, 1965 to establish a joint consultative or other co-ordinating body.

Enche' V. Manickavasagam: Mr Speaker, Sir, no union has so far applied to form joint consultative or other co-ordinating body.

BILLS

THE SUPPLEMENTARY SUPPLY (1965) (No. 2) BILL

Committee

The House immediately resolved itself into a Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

Head S. 21—

The Assistant Minister of Youth, Culture and Sports (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Pengerusi, saya memohon supaya S. 21—Kementerian Luar Negeri, sa-banyak \$652,860 menjadi sa-bahagian daripada Jadual. Keterangan² yang panjang lebar telah ada di-dalam Kertas Perintah 37/1965 yang saya rasa tidak payah-lah saya memanjangkan lagi.

Question put, and agreed to.

The sum of \$651,860 for Head S. 21 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 23, S. 24, S. 25, S. 26, S. 29 and S. 30—

The Assistant Minister of Finance (Dr Ng Kam Poh): Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to take the Heads S. 23, S. 24, S. 25, S. 26, S. 29 and S. 30 together.

Mr Chairman: Yes.

Dr Ng Kam Poh: I beg to move that the following sums be approved:

Head S. 23 ...	\$ 268,061
Head S. 24 ...	2,805,500
Head S. 25 ...	7,800,000
Head S. 26 ...	166,461
Head S. 29 ...	90,646
Head S. 30 ...	42,342

Total ...	\$11,173,010
-----------	--------------

Under Head S. 23—Treasury, seven sub-heads are involved, viz, Sub-heads 11, 11c, 17, 18A, 22, 23 and 24. Sub-head 11, Transport and Travelling, requires an additional sum of \$30,000 to meet the additional commitments, as already explained in para. 52 of the Treasury Memorandum, on air passages and subsistence allowances of Treasury

officers, who are required to travel on duty. Sub-head 11c, Rent on Accommodation, which is a new sub-head, requires a sum of \$10,000 to meet the rental on the residence of myself and the Insurance Commissioner. Sub-head 17, office furniture and equipment, requires a sum of \$53,050 for the purchase of two accounting machines, one for the Central Pay Office and the other to replace an old machine in the Pensions Branch of the Accountant-General's office which has been ruled as beyond economical repair. Another sum of \$7,050 is required to meet the cost of office furniture and equipment for officers filling vacant posts in the Treasury. Sub-head 18A, which is also a new sub-head, requires a provision of \$14,300 to meet the payment of local subsistence allowance and expenses in respect of an expert on taxation from the International Monetary Fund, who is now attached to the Treasury. No provision for this purpose was made in the 1965 Estimates. Sub-heads 22 and 23 require only small sums whilst Sub-head 24, Fees to International Consultants for a report on Petroleum Policy in Malaysia, requires a sum of \$150,000 to meet Professional fees for a firm of international oil consultants which has advised the Government on the future policy and legislation to be adopted in relation to the oil industry in Malaysia.

The explanation in regard to other Heads is given in the Treasury Memorandum, Command Paper No. 37 of 1965.

Sir, I beg to move.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, minta ma'af kalau saya salah, ia-itu saya fahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Muda kita mengemukakan S. 23—Perbendaharaan di-Sub-Head 17—Central Pay Office. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Central Pay Office ini ada kaitan-nya dengan Bank Negara (Central Bank). Nampak-nya berkenaan dengan Bank Negara kita ini dia samata²-lah macham Bank biasa juga ia-itu dia tidak dapat mengeluarkan currency bagi negara kita ini, pada hal mengadakan Bank Negara ini bukan-lah sa-mata² untuk menyimpan wang tetapi

menjadi Bank yang boleh mengeluarkan currency. Ini, Tuan Pengerusi, berlawanan-lah dengan apa yang diakui oleh Menteri Kewangan kita baharu² ini, bahawa kedudukan ekonomi kita, dari dalam, cukup stable. Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap sa-lagi pehak Kerajaan kita tidak dapat menjalankan Central Bank itu dengan betul² menjalankan tugas-nya (function) yang boleh mengeluarkan currency, saya percaya-lah perbelanjaan² yang kita beri berhubung dengan Treasury ini ia-lah kerja² yang lama juga, yang tidak mustahak sangat kita tambah, kerana tugas Central Bank atau Bank Negara patut di-jalankan oleh Board of currency sa-mata² dan saya dukachita di-atas chara² perbelanjaan itu.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Pengerusi, bagi menjawab kepada wakil daripada Bachok, jikalau saya tidak salah, Menteri Kewangan kita sekarang sedang mengambil perhatian.

Question put, and agreed to.

The sums of \$268,061 for Head S. 23, \$2,805,500 for Head S. 24, \$7,800,000 for Head S. 25, \$166,461 for Head S. 26, \$90,646 for Head S. 29 and \$42,342 for Head S. 30 ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 32—

The Parliamentary Secretary to the Minister of Health (Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, saya mengesahkan peruntukan sa-banyak \$200,000, Kepala S. 32, di-terima masuk dalam Jadual. Keterangan yang lanjut berkenaan dengan perbelanjaan ini ada di-beri dalam muka 27, item 70, dalam Command Paper No. 37 tahun 1965.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, Penerangan itu di-tulis dalam bahasa Inggeris, saya kurang faham dan saya minta Yang Berhormat Menteri itu terangkan kerana saya hendak berchakap di-dalam perkara ini.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, jikalau Yang Berhormat daripada Bachok itu buka muka 27, Command Paper No. 37, item number 70, ada keterangan yang lanjut. Kalau tidak faham di-dalam bahasa Inggeris saya boleh terjemahkan di-

dalam Bahasa Kebangsaan. (*Ketawa*) (Gangguan).

Mr Chairman: Tuan hendak menerangkan?

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Yang Berhormat daripada Bachok itu minta saya menerangkan di-dalam Bahasa Kebangsaan. (*Ketawa*).

Mr Chairman: Sudah puas hati Yang Berhormat daripada Bachok?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya ada hendak berchakap dalam perkara ini, tetapi sebab penerangan di-bawah 70 itu di-terangkan di-dalam bahasa orang puteh, saya kurang faham, saya minta dia terangkan di-dalam bahasa Melayu, saya hendak berchakap dalam perkara ini.

Mr Chairman: Dia minta Menteri menerangkan dalam bab ini.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya rasa Ahli Yang Berhormat daripada Bachok itu sengaja mengatakan beliau tidak faham, sa-benar-nya pemberian \$200,000 ini ia-lah Tambahan Peruntukan perbelanjaan bagi Rumah Sakit T.B. Lady Templer. Tiap² tahun kita telah memberi bantuan sa-banyak \$500,000 tetapi oleh sebab kekurangan dan tidak cukup, maka Kementerian ini telah pun membuat Peruntukan Tambahan sa-banyak \$200,000 lagi.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, ini-lah yang saya hendak bangun berchakap ia-itu berkenaan dengan penyakit batok kering yang menimpa orang² kita, yang bertempat di-Rumah Sakit Lady Templer ini. Mengikut kenyataan yang pernah di-buat oleh Kementerian kita pada tahun² yang lalu—sa-masa saya sudah ada dalam Parlimen dan sa-belum daripada itu lagi—ia-itu penyakit batok kering ini sudah dapat di-atasi dengan maju-nya, malah pada satu masa, kalau tidak salah saya, Kementerian ada menyebutkan—di-masa Menteri Perdagangan kita sekarang ini menjadi Menteri Kesihatan—kata-nya bukan sahaja penyakit batok kering tetapi penyakit cancer sa-kali pun sudah boleh di-atasi, jadi tidak ada improvement, tidak ada kemajuan di-Lady

Templer Hospital ini sa-lain daripada mengumpulkan orang² batok kering itu pergi duduk di-tempat itu, jangan berasing dengan orang, sedang improvement dari segi scientific hendak mengatasi penyakit² itu, saya rasa, tidak pernah di-minta langsung peruntukan ini. Jadi apa-kah kenyataan² yang pernah di-buat oleh Menteri Kesihatan, yang dahulu dan yang sekarang ini, maseh merupakan kenyataan bertulis tidak berjawab dengan amalan.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, kita tidak pernah mengatakan yang Rumah Sakit Lady Templer itu tempat berehat. Sa-benarnya Rumah Sakit T.B. Lady Templer itu ada-lah satu Rumah Sakit yang, saya rasa, ada-lah yang paling modern sa-kali dalam Tenggara Asia ini, kerana ada di-ubati jenis penyakit yang dikehendaki pembelahan. Rumah Sakit ini pula ada lembaga-nya sendiri yang menjalankan pentadbiran Rumah Sakit Lady Templer. Yang lagi satu Rumah Sakit di-Pahang Road, Jalan Pahang, Pusat Rumah Sakit T.B., itu tempat yang hanya berubat sahaja, tidak ada pembelahan di-situ, tetapi orang yang mengidap penyakit T.B. yang di-hantarkan ka-Rumah Sakit Lady Templer, daripada seluruh Persekutuan Tanah Melayu ini, ada-lah berkehendakkan satu jenis perubatan yang istimewa—khas.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi Menteri Muda ini silap faham, saya bukan mengatakan tidak menjalankan tugas itu, saya mengatakan tidak ada improvement dari segi scientific untuk mengatasi penyakit itu, jadi tidak-lah bersangkut-paut dengan benaan itu yang indah, sebab Menteri Kewangan dalam Budget Speech-nya pun telah mengatakan kita mesti-lah memandangkan kapada utility bukan kapada beauty. Jadi ini, Tuan Pengerusi, apa yang di-jawab itu tidak kena dengan apa yang saya minta itu—saya minta lain dia beri lain—saya minta ada-kah langkah² kemajuan untuk mengatasi penyakit itu? Bukan untuk mengelokkan bangunan-nya.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya tidak mengatakan yang bangunan Rumah Sakit T.B. Lady

Templer itu chantek, tetapi layanan dan perubatan itu ada-lah yang paling modern di-seluruh Tenggara Asia ini.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya chuba hendak bertanya Kementerian ini. Pada masa yang lampau Lady Templer Hospital itu hanya-lah digunakan untuk mengubat penyakit batok kering. Dalam tahun ini saya dapati, jikalau sa-saorang itu telah masok ka-General Hospital di-Kuala Lumpur dan jikalau dengan kehendak hati si-sakit itu hendak berubat di-Lady Templer Hospital, maka dia boleh masok Lady Templer Hospital itu menjalankan pembelahan penyakit yang bukan daripada penyakit T.B. Saya minta penjelasan betul atau tidak.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang di-sini, daripada pengetahuan saya sendiri sa-bagai sa-orang doktor dan sa-bagai sa-orang yang telah berkhidmat di-dalam lapangan penyakit T.B. di-beberapa tahun, suka menerangkan di-sini ia-itu ada-lah penyakit T.B. ini ada-lah satu penyakit yang telah menyerang kita beberapa lama-nya dan sekarang ada beberapa perkara yang di-buat oleh badan² suka-rela dan juga badan² yang di-punyaï oleh Kerajaan kerana menentang dan menghapuskan penyakit itu. Tetapi walau bagaimana sa-kali pun, pada masa sekarang, lebih kurang lima peratus daripada orang² duduk dalam negeri ini ada-lah menjadi mangsa di-dalam penyakit T.B. ini, pada tiap² tahun. Sa-benar-nya dengan ada-nya ubat² dengan chara baharu, yang sekarang boleh mengatasi penyakit ini, banyak-lah sudah kemajuan yang telah di-dapati untuk melawan penyakit ini. Tidak-lah benar, jikalau sa-kira-nya di-katakan, kemajuan tidak dapat pada masa yang lalu bagi mengatasi-nya. Jadi, bagi pekerjaan yang di-jalankan, baik-lah saya menjelaskan dengan serba ringkas, pada puncha-nya, penyakit T.B. ini ada-lah di-selenggarakan di-perengkat yang bawah sa-kali ia-itu perengkat daerah. Mana² orang yang ada kena penyakit T.B. atau pun penyakit² lain ada-lah di-rawat di-dalam Rumah Sakit Daerah dan dengan

sebab ada-nya ubat² yang baharu ini, barangkali dengan nasib baik, orang² yang kena penyakit itu tidak payah lagi pergi ka-mana², ka-perengkat negeri atau pun ka-Lady Templer Hospital. Tetapi kalau sa-kira-nya tidak lulus atau dapat kejayaan di-dalam rawatan yang di-perolehi oleh perengkat daerah, baharu-lah dia di-hantarkan ka-hospital yang terbesar dalam sa-buah kawasan atau sa-buah negeri, ia-itu di-ibu negeri itu sendiri. Macham di-Perak, Ipoh, di-Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Seremban dan sa-bagai-nya. Dari situ ada-lah pakar² yang tertentu—yang bertugas di-dalam penyakit ini, yang telah di-lantek oleh Kerajaan, kerana hendak menchegeh penyakit T.B. Di-lapangan sini juga kemajuan telah di-chapai, kerana banyak penyakit yang tidak dapat di-ubat dan tidak dapat di-rawat di-peringkat daerah, dapat di-rawat di-peringkat negeri. Tetapi dalam pada itu ada pula percentage-nya, ia-itu bahagian yang kecil, yang tidak dapat di-ubat dengan chara tidak berbelah. Mithal-nya, kalau sa-kira-nya sa-orang kena penyakit T.B. dan satu bahagian daripada paru²-nya, mithal-nya, telah di-ubat dengan chara di-chuchok atau pun dengan memakan ubat, tetapi tidak dapat di-sembohan, maka pada pendapat doctor pada hari ini, yang senang sa-kali, ia-lah bagi orang yang sakit itu mencapai kesihatan-nya balek ia-lah di-buangkan chara belah sa-bahagian daripada paru² yang sakit itu. Maka orang yang sa-macham ini sahaja-lah, yang di-hantar ka-Lady Templer Hospital dan bukan sahaja Lady Templer Hospital itu mengubati orang yang ada di-Kuala Lumpur atau pun yang ada di-Cheras Road itu sahaja, bahkan telah di-pileh daripada peringkat daerah, peringkat negeri, baharu di-hantarkan ka-sana ia-itu berma'ana-lah Lady Templer Hospital itu bertugas kepada orang² yang sakit di-Malaysia. Jadi sekarang saya harapkan, penjelasan saya yang ringkas ini akan menjadi satu pedoman kepada Ahli Yang Berhormat daripada Bachok, bagaimana-kah penting-nya yang Lady Templer Hospital itu mesti-lah kita sokong, dengan sa-berapa boleh-nya, kerana ini-lah satu daripada jalan² yang boleh membasmiikan penyakit

T.B. yang ada pada masa akan datang. Terima kaseh.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya jawab dahulu kepada Ahli Yang Berhormat daripada Raub, kemudian . . .

Mr Chairman: Nanti dahulu, ini ada lagi yang hendak berchakat nanti boleh jawab sa-kali gus.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya tidak-lah hendak bertanya berkenaan dengan hal tambahan wang ini, tetapi ada-kah Lady Templer Hospital ini, sama mudah-nya memasokkan orang² yang sakit daripada peringkat², sama ada peringkat satu (kelas satu), kelas dua atau kelas tiga, ada-lah sama mudah-nya. Ada-kah di-timbangkan daripada jenis berat-nya penyakit atau pun daripada peringkat² orang yang kelas atas atau pun kelas perchuma, umpama-nya kelas tiga di-Hospital² yang bertebaran dalam tanah ayer kita ini.

Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya sedikit. Kita telah memberikan bantuan kepada Lady Templer Hospital, ini dahulu sa-banyak \$500,000 sekarang kita tambah \$200,000 lagi. Yang saya hendak tahu-nya, apakah asas bantuan yang kita berikan itu, ada-kah bantuan yang di-berikan itu berasaskan kepada kekurangan perbelanjaan yang di-tanggung oleh Lady Templer Hospital atau pun asas bantuan itu mengikut rayuan² yang diminta sahaja? Kemudian daripada itu, saya hendak tahu-lah pula, ada-kah bantuan pada tahun² yang akan datang ini akan di-ikuti sa-lari dengan jumlah² bantuan yang di-berikan dalam tahun ini?

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, untuk menjawab kepada Ahli Yang Berhormat daripada Raub tadi, saya menguchapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar yang telah pun menerangkan dengan panjang lebar berkenaan dengan apa-kah jenis penyakit atau pun jenis orang sakit yang di-hantar ka-Rumah Sakit Lady Templer? Yang sa-benar-nya, Lady Templer Hospital itu menerima hanya orang² sakit

yang saya katakan terpaksa di-belah—*Thoracic Surgery* atau *Thracoplasty* ia-itu berkenaan dengan penyakit paru².

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara tadi, ada-kah menerima kelas²—kelas satu, kelas dua mengikut keadaan orang sakit atau pun keadaan mengikut penyakit. Saya suka memberi tahu ia-itu orang² sakit T.B. yang di-hantar di-Rumah² Sakit di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu ini, tidak di-beza²kan sama ada first class atau second class, tetapi di-hantarkan terus mengikut penyakit-nya—itu ter-pulang-lah kalau sa-sorang yang sakit itu mampu membayar kelas satu, itu ter-pulang-lah kepada orang sakit itu sendiri.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh, Tambahan Perbelanjaan \$200,000 ia-lah diminta oleh pehak Lembaga Rumah Sakit T.B. Lady Templer Hospital. Jadi, pada tiap² tahun, Kementerian Kesihatan ada memberi bantuan sa-banyak \$500,000, tetapi oleh sebab kekurangan wang maka pehak Lembaga ini telah merayu meminta tambahan sebab itu-lah pehak Kementerian ini telah memberikan bantuan sa-banyak \$200,000 lagi.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Pengerusi, soalan saya tadi tidak di-jawab oleh Setia-usaha Parlimen Kementerian itu. Saya tahu Hospital itu untuk mengubat orang yang kena sakit dada—penyakit batok kering. Saya katakan tadi, ada orang yang dapat penyakit perut pergi berubat di-situ di-belah juga di-Betul-kah atau tidak. Itu sahaja yang saya tanya.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, penyakit T.B. ini jangan Ahli² Yang Berhormat di-sini memikirkan, penyakit T.B. ini penyakit jantung sahaja. Sa-benar-nya T.B. ada di-otak, ada T.B. tulang, T.B. perut dan lain² lagi jadi, memang ada.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi saya hendak tanya satu lagi. Penyakit T.B. di-otak itu, adakah menyebabkan orang itu gemok atau kurus? (*Ketawa*).

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Ahli Yang Berhormat itu tanya-lah dengan doctor² yang pakar (*Ketawa*).

Question put, and agreed to.

The sum of \$200,000 for Head S. 32 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 33, S. 34, S. 35, S. 36, S. 37, S. 38, S. 39 and S. 47—

The Minister of Home Affairs (Dato' Dr Ismail): Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to take the following Heads together as they are all in respect of the two Ministers under me:

Head S. 33	\$2,817,200
Head S. 34	3,843,334
Head S. 35	34,790
Head S. 36	312,325
Head S. 37	88,809
Head S. 38	30,884
Head S. 39	1,012,062
Head S. 47	137,373

Sir, in regard to Heads S. 33 up to S. 39, the items are very well explained in Command Paper No. 37 of 1965, and as regards S. 47, we have had a long debate on this one, and Honourable Members are fairly acquainted with the reasons for which the amount of money is being asked for.

Sir, I beg to move.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Pengerusi, saya chuma sedikit sahaja hendak mengambil bahagian dalam Head 33—Ministry of Home Affairs. Ini berkenaan dengan hendak menulis satu buku sejarah, berkenaan dengan emergency dahulu. Saya suka hendak dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri, siapa-kah pengarang-nya buku ini, dan ada-kah Kerajaan berchita² hendak menyemak balek apa yang di-tulis di-dalam buku tawarikh itu. Sebab saya berpendapat, pada masa hujung pemerintahan Jepun dahulu, ada satu Tentera Wataniah yang di-anggotai oleh orang Melayu telah di-tubuhkan di-Raub dalam Force 136. Apa bila sudah selesai-lah peperangan Inggeris pun telah balek menduduki Tanah Melayu dan keadaan Tanah Melayu telah puleh sa-mula—maka ada sa-orang telah

menchuba menulis, berkenaan dengan tawarikh Force 136 itu yang dianggotai oleh orang Melayu itu. Apabila siap cerita-nya berlawanan dengan apa yang telah terjadi, orang yang tidak ada kena mengena dengan gerakan itu di-besar²kan, orang yang betul bertungkus-lumus, yang menggadaikan nyawa-nya pada masa Pemerintahan Jepun, telah tidak termasuk langsung dalam tawarikh Force 136 yang telah di-tubuhkan masa Pemerintahan Jepun itu. Maka saya harap buku tawarikh dharurat ini tidak menjadi sa-macam mana tawarikh yang saya katakan, berkenaan dengan Force 136, yang telah di-tubuhkan di-daerah Raub itu pada tempoh dahulu. Sekian-lah.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya ingin juga hendak berchakap di-bawah Head 33 ini berkenaan dengan penulisan buku sejarah peristiwa dharurat di-negara kita.

Tuan Pengerusi, saya tidak biasa menengok lagi buku apa yang di-katakan atau pun bahan² buku², apa yang di-katakan oleh sahabat saya daripada Raub tadi. Tetapi saya hendak menceritakan pengalaman saya, ia-itu ada perkara² yang berhubung dengan bahan² yang maseh di-tunggu. Buku sejarah ini belum di-selesaikan, kerana dua sebab, di-antara lain²-nya, yang pertama maseh banyak lagi bahan² yang mustahak membuat research dan yang kedua ia-lah akibat daripada banyak record² Emergency kita itu maseh ada di-tempat United Kingdom, tempat wahi kita datang daripada sana, jadi wahi datang daripada sana, kembali pun daripada sana juga. Daripada United Kingdom wahi datang dan kapada United Kingdom wahi itu kembali. Jadi, Tuan Pengerusi, yang saya minta supaya di-masokkan ini ia-lah, sa-lain daripada peristiwa² yang besar, sa-bagaimana langgaran peng-ganas² terhadap Polis Steshen Kepong dan begitu juga terhadap serang hendap peristiwa di-Selama, Perak, yang di-dalam peristiwa itu, saya sendiri, Tuan Pengerusi, mendapat satu peluru di-paha saya, chuma ta' dapat saya hendak tunjukkan, sebab menunjokkan paha itu menjadi sa-suatu yang menjadikan sa-suatu pula. (*Ketawa*).

Jadi, Tuan Pengerusi, ada satu peristiwa yang saya pinta—kalau bukan peristiwa itu pun—tetapi peristiwa² yang sa-macam itu patut-lah Menteri kita ini mengambil ingatan di-dalam mengumpulkan bahan². Satu kejadian, OCPD Taiping telah masok ka-dalam hutan Selama bersama² satu Pasokan. Di-dalam hutan itu berlaku-lah satu pertemporan akibat daripada serang hendap daripada pengganas². Oleh kerana OCPD ini terlampau berani maka dia pergi ka-depan mendahului scout. Jadi begitu-lah kebetulan-nya datang peluru liar dan kena di-kepala-nya, tetapi dia memakai satu songkok yang tinggi. Apabila peluru itu kena di-atas ini tembus, tembus songkok itu, Jadi kepala dia tidak kena. Maka pada bulan itu juga di-minta-lah senarai² orang² yang pernah di-serang untuk mendapat medal, yang harga-nya lebeh kurang daripada medal Member Parlimen yang dapat baharu² ini. Lepas itu apabila perkara itu di-bawakan ka-dalam Mahkamah, ada satu sudut yang mesti di-selesaikan oleh Mahkamah dahulu, maka tuan Hakim, kalau ta' salah saya, Magistrate-nya Pesurohjaya Ibu Kota sekarang ini ia-itu yang bernama Enche' Ismail Panjang Aris—kalau saya ta' lupa—jika tidak pun Enche' Abdul Jamal Abdul Latiff. Jadi Magistrate ini sudah hairan hendak memberi sebab bagaimana-lah OCPD ini benar² kena peluru sebab, exhibit yang di-tunjokkan itu—songkok itu—tembus daripada depan sampai belakang. Jadi apabila Hakim itu meminta OCPD ini memakai songkok itu, dia memakai songkok itu tidak sa-macam waktu dia pakai dalam hutan, dia tarek betul bagini. Bila tarek lubang di-depan kena di-sini, di-belakang dia pun sadar. Jadi Hakim kata, "I can't consider"—aku ta' dapat hendak timbang, tembus di-sini kapada-nya tidak ada bekas, tetapi dia mendapat medal juga, Tuan Pengerusi. Jadi peristiwa, yang sa-macam ini lucu di-dalam benar dan benar di-dalam lucu, menimbulkan satu significance dalam buku sejarah itu.

Berkenaan dengan Head 33 Sub-Head 75—berkenaan kita hendak menjaga Security di-Border atau pun diperenggan Tanah Melayu kita ini. Bila

kita menyebut border atau pun perenggan sempadan itu tentu-lah lebeh ham-pir kapada fahaman kita ia-itu Kelantan dengan Thailand.

Dato' Dr Ismail: Kepala berapa?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Banyak kepala-nya (*Ketawa*). Head 33 Sub-head 75.

Enche' Abdul Rahman bin Ya'kub: Tidak ada, 62 ada.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Command Paper 37 muka 29 Sub-head 75 (*Interruption and laughter*).

Jadi Sub-head 75 ini meminta \$50,000 lagi, hendak membuat persiapan "unforseen expenditure" ia-itu satu peruntokan yang hendak dibelanjakan di-atas satu perkara yang tidak di-sangka² berlaku. Jadi ini pun, Tuan Pengerusi, boleh jadi istilah "unforseen" ini dari segi Treasury saya tidak tahu-lah tetapi banyak sangat istilah "unforseen". Kalau begitu banyak-lah dalam dunia ini istilah "unforseen" itu dan boleh jadi pula, pada satu hari, Menteri ini meminta pula satu peruntokan yang tertentu kapada peristiwa "unforseen", hendak jatuh-nya Kerajaan Perikatan boleh juga. Jadi apa yang saya maksudkan di-sini, ia-itu border atau pun perenggan di-negeri antara Thailand dengan Kelantan itu, salah satu daripada kita hendak menjaga security-nya ia-lah kalau Kerajaan kita ini boleh memasukkan di-dalam project yang besar dalam Project Malaysia, supaya di-adakan jambatan di-antara Rantau Panjang dengan Golok itu sendiri. Apabila sudah ada jambatan maka jalan itu akan merupakan international highway. Jadi dengan demikian, polis atau pun pehak negeri Thai, boleh juga memberi bantuan atau kerjasama dan pehak Malaysia pun boleh dapat juga memberi bantuan, tidak-lah payah kita mengadakan belanja yang kecil² bagini dan lagi transport pun mudah sampai ia-itu pertolongan² negara kita mudah sampai dengan ada-nya jambatan Kota Bharu yang Kerajaan PAS buat itu sabagai menolong kapada Kerajaan Malaysia yang belum dapat membuat ini. Jadi saya mengeshorkan-lah kita

menerima juga \$50,000 ini, sebab kesilapan Menteri, kesilapan negara kita juga. Kalau begitu kita menerima yang ini dan saya shorkan kapada Menteri itu, supaya jambatan yang besar itu, sa-lain daripada untuk security, merupakan juga satu international highway di-masokkan ka-dalam Kementerian beliau.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya menyen-toh sedikit sahaja ia-itu Head 33. Sa-betul-nya, Tuan Pengerusi, kalau per-kara ini di-jawab petang sa-malam, saya tidak berhajat hendak berchakap lagi pada pagi ini. Saya hendak tahu, saya tidak nampak Yang Berhormat Menteri tiada dan berangkali orang lain pun tidak boleh jawab.

Saya, Tuan Pengerusi, membangkitkan sa-mula masaalah tawarikh dzarurat ini supaya saya berhadapan sendiri dengan Yang Berhormat Menteri, saya berchakap daripada hati saya kapada hati Yang Berhormat Menteri itu sendiri. Saya merasa ragu, sungguh pun pada hisab, tujuan, niat kita yang awal, saya menyokong bahawa buku tawarikh dzarurat ini patut di-adakan. Dengan sebab itu kehendak Kerajaan yang di-luluskan dalam tahun 1961 ini memang satu galakan yang saya junjong tinggi.

Perkara yang saya mohon pene-rangan di-dalam satu masaalah penga-rang tawarikh dzarurat, kita mesti menchari bahan yang ada pada kita dan penulis itu atau pengarang itu mesti berjiwa, berkeperibadian nation-al kita, baharu-lah dapat menurunkan apa yang telah pun berlaku dengan sa-chara jujur. Saya tidak hendak menudoh pengarang ini tidak jujur, tetapi oleh sebab pengarang ini berada, mungkin beribu² batu jauh-nya daripada tanah ayer kita atau boleh jadi pengarang itu berbangsa Inggeris atau berbangsa lain, yang pernah menjajah satu kawasan dalam satu² negeri. Jadi biasa-nya dia tidak mahu menun-jokkan kelemahan dia dalam masa dharurat itu atau apa sebab dzarurat itu berlaku. Jadi buku ini, Tuan Pengerusi, tidak habis di-zaman kita, buku ini akan jadi pusaka sejarah ini, buku ini akan di-ikuti oleh anak

chuchu kita pada masa yang akan datang. Jadi dengan sebab ini saya katakan buku sejarah dharurat ini, memberi satu pandangan kesan jiwa kepada pembangunan waris² kita yang akan datang.

Saya penoh perchaya kepada Menteri Berhormat atas tugas yang di-beri oleh Kerajaan, tetapi saya rasa mengapa tugas ini tidak di-beri kepada Kementerian Penerangan dan Penyiaran? Kalau bahan² itu boleh di-dapati daripada Kementerian Dalam Negeri, usaha ini patut di-lakukan oleh Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Memang kena pada tempat-nya Kementerian Penerangan dan Penyiaran mengambil initiative membuat buku sejarah dharurat ini. Tetapi mengapa? Ini pun menjadi satu tanda soal. Boleh jadi Menteri, Kementerian Dalam Negeri ini banyak bahan² yang tersembunyi, yang Kementerian lain tidak boleh tahu, tetapi buku ini kelak akan di-kemukakan kepada ramai, bukan sahaja kepada ra'ayat Malaysia, tetapi kepada ra'ayat seluruh-nya. Jadi ini-lah saya, Tuan Pengerusi, pada pagi ini memohon dengan izin tuan, Menteri Berhormat ini akan dapat mengator, mencheritakan sedikit sa-banyak, supaya keraguan ini dapat di-atasi dan kita tahu kalau pengarang itu bukan orang daripada tanah ayer kita, patut pengarang² itu di-sebutkan dengan pengarang² di-tanah ayer kita dan kita buat satu badan penapis yang terdiri daripada ahli sejarah kita, wartawan² yang kita fikir munasabah dan orang persaorangan yang ada *interest* dalam mengarang buku sejarah. Kemudian badan ini boleh menimbangkan, kalau nilai buku itu boleh merugikan kepada pembangunan kita, pada kajian sejarah tanah ayer kita pada masa yang akan datang, patut kita baiki di-tambah yang baik. Sebab saya, Tuan Pengerusi, memandang kepada buku ini akan siap pada akhir tahun 1966, masa yang chukup luas masa ada pada kita. Diri saya, Tuan Pengerusi, saya tidak teragak² akan menyokong peruntokan ini jikalau sa-kira-nya hasrat yang saya bentangkan ini dapat pertimbangan, sebab buku yang di-tulis hari² ini akan menjadi sa-bahagian daripada bahan² sejarah

kita pada masa yang akan datang. Jadi saya harap, pandangan saya pada pagi ini, Menteri Yang Berhormat akan dapat menimbangkan dan memberi satu penjelasan yang terang supaya waris² kita akan dapat mengikuti perkembangan kepada masa yang akhir ini. Terima kaseh.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, Head 34 Sub-head 62, Command Paper 36. Saya hendak bertanya sedikit sahaja ia-itu yang diminta di-sini \$42,500 ia-itu bayaran balek kepada Kerajaan Australia kerana melateh Pegawai².

Tuan Pengerusi, melateh pegawai² ini, saya hendak bertanya Menteri kita ia-itu berkenaan dengan jenis² latehan. Latehan apa-kah yang kita belajar daripada Australia berkenaan dengan Polis ini? Sebab yang mashhor-nya dalam dunia ini polis-nya, kalau dari segi secret service-nya, ia-lah *Scotland Yard* dan kita tidak tahu-lah *Scotland Yard* pula ada di-Australia. Kalau sa-kira-nya training ini kena mengena dengan physical training ia-itu berkenaan dengan kawal begitu bagini, standard physical training negara kita itu sudah sampai kepada *international*. Chuma saya mengharapkan supaya training mengikut pelajaran Australia di-ubahkan mengikut system Interpol (International Police) supaya di-negara kita juga ada International Polis yang sa-macham itu.

Tuan Pengerusi, oleh kerana tidak ada permintaan berkenaan dengan tambahan gaji di-sini, saya tidak dapat hendak berchakap-lah, chuma saya rasa Menteri kita akan mengambil perhatian yang berat berkenaan dengan bunyi² mengatakan Inspector² kita akan meletak jawatan *en bloc*—beramai² itu. Itu satu perkara yang besar di-dalam negara kita. Saya minta itu pun menjadi perhatian Kementerian ini. Saya, Tuan Pengerusi, tidak-lah hendak membela Polis ini sebab saya bekas Polis, tetapi itu apabila Inspector² dalam satu negara, sudah dapat berita yang mereka itu akan meletakkan jawatan *en bloc*—beramai²—dan ini pula akan di-ikuti oleh Pegawai² Tentera, saya fikir Cabinet tidak akan dapat berdiri dengan Polis dan tentera. Bila polis

dan tentera tidak mahu bekerjasama dengan Kerajaan, Cabinet itu akan collapse dalam tidak kurang daripada 24 jam.

Enche' Tan Cheng Bee (Bagan): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head S. 34, Royal Malaysia Police, where there is a request for an additional sum of \$1,884,000 for the Secret Service. Sir, here I would like to ask that in the next year's Budget more funds may be provided for this Service, because, by and large, the activities of secret societies and thugs that find encouragement from these secret societies are rampant in the whole country of Malaysia. We hear of couples and small businessmen, and people going out to out-of-the-way places being plundered by those gangs—and we read of these incidents almost every day in the newspapers. Sir, the activities of these secret societies and thugs have caused much concern to the law-abiding and peaceful people of this country, and for this reason the Government must provide for a better Secret Service, so that much of the activities of these secret societies could be checked, and in good time.

Sir, here also, I must say that in my constituency of Bagan—I think all Honourable Members must have read in the papers about it a couple of months ago there was a gang which plundered a goldsmith shop in broad daylight, and it was through the very active and efficient service of the Secret Service in Butterworth that members of this gang was successfully cornered and were taken in; and one of the members of this gang was shot dead at Butterworth. That accounts for the very good work done by the Police and the Secret Service, Sir, and I would take this opportunity to ask the Minister of Home Affairs to take cognizance of this efficient work by the Butterworth Police Force.

Enche' Geh Chong Keat: Mr Chairman, Sir, I would like to speak on Head S. 34 and I, too, would like to thank the Police for the services which they have rendered to me. I did not know about this until after a meeting of the officials to solve the problem

of the trawler fishing. A war at that time was going around the waters of Penang and Perak. At that heated meeting, I would say, my attention was drawn to the fact that it was the Police force, or maybe this Secret Police Service, that got the information over a threat to murder me (*Laughter*) for my active participation in fighting the case of the inshore fishermen against this trawler fishing. Sir, as I said, since I have known of these services, the Police had done to me by keeping two weeks' vigilance and giving the necessary protection to me at my office and at my home. Sir, however, the point that I would like to mention is this: though I take this opportunity to thank the Police Force, the fact still remains that they have to forge the weakest links in the Police Force—and, no matter what transpired at the meeting, or what was said, it was spoken as a Member of Parliament and as a representative of the people of my constituency, and I have to present them to the best of my capabilities and with sincerity.

Dato' Dr Ismail: Tuan Pengerusi, yang pertama saya suka hendak menjawab tegoran² yang di-datangkan oleh Ahli² daripada Raub, Bachok dan Lipis berkenaan dengan buku Sejarah Dharurat ini. Buku Sejarah Dharurat ini, jikalau hendak di-jadikan buku jenaka, tentu-lah shor Ahli daripada Bachok itu sangat-lah menarek hati dan saya juga akan mengeshorkan kepada pengarang ini—Mr Anthony Short—jikalau dia berkehendakkan satu daripada perenggan dalam buku itu di-masokkan lawak jenaka, boleh-lah bertemu dengan Ahli daripada Bachok itu.

Di-sini, saya suka juga menerangkan kepada Ahli dari Lipis ia-itu tujuan buku sejarah ini di-adakan ialah supaya satu buku yang tidak berat sa-belah (bias) ma'ana-nya jika buku sejarah ini hendak memberi faedah, mesti-lah buku itu mencheritakan apa yang berlaku sa-betul²-nya. Maka itu-lah sebab-nya bagi pengarang ini akan memakan masa yang lama supaya dia boleh buat selidek (research) berkenaan dengan apa² yang berlaku dalam masa

dharurat dahulu. Jikalau mithal-nya, Ahli dari Lipis itu, ada peristiwa² yang patut di-masokkan dalam buku ini, saya menhadangkan supaya dia berjumpa dengan Mr Anthony Short memberikan pengalaman² dia.

Atas chadangan-nya ia-itu apabila buku ini telah habis sahaja di-karang supaya di-adakan satu jawatan-kuasa dan kata-nya dalam jawatan-kuasa itu ada-lah ahli² daripada wartawan². Saya fikir ini tidak-lah menasabah, kerana apabila buku itu telah habis di-karang, maka bagi wartawan² dan orang² ramai ada hak mengkeritik buku itu dan saya percaya ia-itu jika kita terima chadangan Ahli Yang Berhormat daripada Lipis itu orang² yang mengarang ini hendak-lah dia berjiwa. Saya tidak tahu apa ma'ana berjiwa atau pun ada-kah berma'ana orang yang bersempati atau pun orang yang betul² bersemangat. Dalam menngarang buku sejarah ini, saya fikir apa yang kita kehendakkan ia-lah satu buku yang factual—yang betul² mencheritakan apa yang berlaku. Kalau, mithal-nya, buku ini ia-lah satu buku yang di-karang supaya menjadi novel atau pun cherita² berkenaan dengan dharurat, itu bukan-nya buku factual, maka itu saya fikir tentu-lah kita berkehendakkan orang² berjiwa, yang bersemangat, supaya dia menggunakan kejadian² itu menjadi satu novel, yang akan menarek perhatian atas jasa² ra'ayat kita di-sini memper-tahankan negeri ini daripada komunis dahulu. Tetapi tujuan buku sejarah ini ia-lah kita hendakkan satu buku yang betul² factual yang tidak bias—baik di-sabelah kita atau di-sabelah Inggeris atau pun di-sabelah komunis—dan saya percaya ia-itu jikalau buku ini factual, tentu-lah akan menyebelah kapada kita, sebab kita-lah yang menyelamatkan negeri ini daripada komunis. Jadi, itu-lah sahaja yang saya hendak chakapkan atas perkara Buku Sejarah ini.

Ahli daripada Bachok banyak tegoran²-nya yang lain, mithal-nya berkenaan dengan tegoran yang di-katakan sa-orang pegawai Australia yang ada bekerja dengan kita di-sini. Saya suka menyatakan ia-itu orang Australia ini ia-lah orang yang bekerja dengan

Polis kita, dia ia-lah ahli daripada Australian Security Intelligence Organisation, dia telah ada di-sini dua tahun dan kita fikir kita hendak dia melanjutkan perkhidmatan-nya di-sini, itu-lah sebab-nya di-minta anggaran yang ada dalam buku yang ada di-hadapan Ahli² Yang Berhormat sakalian.

Next, I would like to thank the Honourable Member for Penang Utara for his praise of the Police. I am sure this is a great encouragement to the Police, because every time anything concerning the Police is mentioned in this House, there is always adverse criticism. Although this praise is based on personal experience, still it is praise for the Police.

look at this problem as closely as possible, and after a very long discussion which, as far as I can remember, lasted anything from one-and-a-half to two hours, this Committee—it had representatives not only of the Treasury but also those of the Ministry of Works, Posts and Telecommunications and the Ministry of Local Government and Housing, all the experts and technical advisers we could think of—came to the conclusion that any difference in costs between the conventional system on the one hand and the industrialised system of housing on the other, was marginal—in fact, either way the differences would not be great. However, my Honourable friend, the Minister of Local Government and Housing went even further. In fact—and I admire his courage—he assured us that he could prove, and he has stated so publicly, that the end result by the new system would even be cheaper. Now, this is a very important point, because I feel that if the new system were even slightly more expensive, say 5% or thereabouts, if by that system we could get more houses and get them more quickly, then I think even that slight additional cost would have been worthwhile. But, if we could get them at the same cost or even cheaper, then I think the question as to whether we should tender or not is, I suggest, almost irrelevant because, as I have said, the main object of tendering is to get the thing you want at the cheapest cost, and if you can get it at even cheaper than the cheapest cost, which would be available by a conventional method, then I think we are fully justified, even if we do not worry about tenders at all.

Now, the other point which this Committee discussed was whether there were other defects in this system, and it transpired in the course of our discussion that this system would be capital intensive; and if it were capital intensive, it would also mean that it would be less labour intensive—that means, because you use machines, you naturally use less labour, and we looked at it even from this point of view. It was felt by some that we should not encourage any project which was not

labour intensive, in view of the increasing unemployment in our country, but there was also the other advantage that at a time like this when many houses are needed, and needed quickly, there was a great advantage in having the industrialised system, because the advantages of this system would far outweigh the defects of a system, which was not so labour intensive. Having decided that on the whole, therefore, the benefits of the system far outweigh this very marginal disadvantages, we, in the Committee, unanimously came to the conclusion that this system was certainly worth trying. As my Honourable colleague, the Minister of Local Government and Housing has pointed out, even this is not the end of the story, because it is meant to be a pilot scheme, an experiment, and if we find that it works, we will naturally carry on with it, but otherwise we shall certainly think again. The other point which I wish to make, Sir, is the reference which my Honourable colleague made in regard to his status before he joined the Government. I can confirm that before he joined the Government, he was earning at a fabulous rate and, in fact, he will forgive me if I say that he was paying income tax on earning of something like \$20,000 a month. That, I think, is a pretty staggering rate of earnings, and that was the magnitude of the sacrifice which he made when he joined the Government.

The other point, which I wish to make is that—and this is in connection with what my Honourable colleague, the Deputy Prime Minister, has said in that housing is a very important matter—I feel that this should not be a matter of party politics. I think all of us in this country, all of us in this House, and all of us outside this House, are convinced that at this time, it is very essential that we should build as many houses as we can, build them as cheaply as we can, and build them as quickly as we can, and anything, therefore, which helps in this objective, I think, should be welcomed by parties on both sides of the House. But if this issue were to be made a creature of party politics with one party trying to

get the better of the other in this issue, so that the main objectives are befogged by party politics, then I think we would lose sight of the main issue, and that I think will be disadvantageous to the country as a whole. I, therefore, hope that all parties will remember that this is far too serious a matter for party politics and the most important thing is to get on with it, so that all of us can contribute something to the achievement of what is certainly a very worthwhile objective. (*Applause*).

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, if I may take off from where the Honourable Minister of Finance has left: if I interpret his English verse correctly, he accused us of introducing party politics on this industrialised housing. As far as I can remember, during the one hour that was spent on the question, both my colleague, the Member for Dato Kramat, and I have not questioned the advantages or disadvantages of industrialised housing. So, we have not yet made the issue one of party politics. And in the course of the debate that followed—I was not present, but I could only see from what was reported in the press—nobody queried as to whether industrialised housing should or should not be introduced. So, I fail to see how this issue has become one of party politics, Sir. However, I am very glad that the Minister for Finance himself is aware of the implications of the system, that the Government realises that this is a capital intensive industry that is being introduced in a country—in a developing country—where you need, above all things, labour intensive industries. He himself, Mr Speaker, Sir, the day before yesterday, mentioned that 70,000 people were going to the labour market this year. In about nine years' time, it is not 70,000 but it will be a quarter of a million going into the labour market every year. That must be a nightmare not only to the Minister of Finance but also to the Minister of Labour and all the other Ministries as well, but I am very glad that this Committee at Cabinet level has weighed the *pros* and *cons* and decided that the *pros* have outweighed the *cons* in this project. Now, Mr Speaker, Sir, I only wish to

point out that, I think, this factor must have been considered by this high level Committee, but nowhere do I see that it is being mentioned in this country.

Mr Speaker, Sir, I am not advocating one system or the other; I am merely pointing out certain features which have not been uncovered, in the course of this debate so far, and that is industrialised housing is necessary in capital intensive countries of the West where the cost of labour is very high. In this country, the reverse is true and the job of any Government in this country is to provide jobs, and where wages are low.

Enche' Tan Siew Sin: Mr Chairman, Sir, when I suggested that this matter should not be made a plaything of party politics, I was, of course, not referring to the Honourable Member for Batu specifically, or even to his colleague. But I think he will, at the same time, admit that there were other Members of the Opposition, which dealt with or looked at this matter from an entirely different angle.

The other point, which I wish to make is this: the very fact that we looked at this matter even from the point of view of whether it is a good thing to have a capital intensive industry in this field in this country shows that the matter was looked at very thoroughly, and from every possible angle. I can assure him that the Committee looked into it very critically, very thoroughly, and we even considered, whether this system would have any effects on employment or unemployment, and whether it would deprive skilled building labour of jobs and we came to the conclusion that skilled building labour was in any case not terribly plentiful, and there was no danger from that direction.

Enche' Khaw Kai Boh: Mr Chairman, Sir, as Minister responsible for the Portfolio, I wish to reply to a number of points raised by the Honourable Member for Batu.

The first point—he mentioned about the signboard to which I have already replied in his absence yesterday, and now I just wish to reiterate what I said—that what they have done is

entirely at the own risk of the contractor and the Federal Commissioner has made it very clear that there should be no commitments on either side, and they can do whatever they like. They went in there, and there was no piling, as far as I understood from the Federal Commissioner. All that has taken place was boring test and site survey. As I have said, if they had done anything more than that, put up anything else, it is done at their own risk and the most important point—which I repeatedly stressed during the debates in this House in last few days, is that the contract has not been given and what the Honourable Deputy Prime Minister stated just now confirmed what I said—that the contract is still being negotiated and the final terms and conditions will be submitted to this Cabinet appointed Committee with the Honourable Minister for Finance as the Chairman. From that the Honourable Member can rest assured that the terms and conditions will be very carefully studied before finalisation of the contract.

In connection with the second point that Singapore prefabricated first pilot project was not done on a purely negotiated basis and that it was done on tender, I wish to dispute that statement, because I have visited the Singapore Housing and Development Board and I have also spoken to the former Minister in charge of the portfolio, the Honourable Mr Lim Kim San, and from what I gathered it was a negotiated contract and no tenders were called. Of course, tenders were called for the ordinary conventional methods, but in connection with this pilot project in Singapore, no tenders were called and that is the same pattern adopted in all the countries I have visited in my discussion with the various Housing Ministries in France, Denmark, Germany, as well as the United Kingdom. Now, to confirm what I have said, I wish to read a portion of the *Straits Times* report—November 17th—statement made by the spokesman of the Housing Development Board, which proves my point that no tenders were called. He said, “The Board is quite open-minded about ‘Prefab’ system,

but the prices must be right. The whole criterion is price and it should not be higher than quoted for building the traditional method. If any contracting firm offers to put up prefabricated buildings, the Board will be glad to consider the offer. He said the Board had awarded the contract to build ten blocks of flats in the MacPherson Road Housing Estate using the prefabricated system.” Now this goes to prove that it was a negotiated contract and not under tender.

Furthermore, regarding the putting up of the signboard which will deter other contractors from bidding for this pilot project, I would like to inform the Honourable Member that we have, as I said, made repeated press releases, as well as advertisements in the local press, in the national press, that pilot projects are being considered by the Government, and asking all firms to register themselves. So, there is not a question of one project. The Cabinet, as I have replied earlier on Monday, has in fact approved three pilot projects. In fact, I would like to clear the air now, and, as I stated yesterday evening, if any other system wishes to make a bid for the other pilot projects, it is welcome to do so. I said last night that the door is still open for any contractor or developer, who is in a position to comply with all the necessary requirements, to make a bid for the pilot projects in using the industrialised housing system.

On the point of the question of labour intensive, I would like to state that in industrialised housing, very little skilled labourers are used. We are, in fact, short of skilled building labourers in this country, so much so that we have not enough to ourselves, and certainly we have not enough to supply to Sabah, as a result of which Sabah has to look to other avenues for the supply of skilled building labourers. In the case of industrialised housing system, the system uses more unskilled labourers than skilled labourers. Furthermore, as I have also stated in my reply on Monday, this adoption of the industrialised housing system will be simultaneous with the conventional method.

Yesterday evening, I referred to an answer which I have given to the Honourable Member for Batu, a Written Answer to Question 140, in which I mentioned the size of the problem of our housing shortage in this country, and the total number of housing units estimated to be built in the course of the next 15 years should be round the margin of 34,720 units. Now, unless we find a new system, the building industry will be overloaded by demands for skilled labour—building labour—and, certainly, this Ministry will not be in a position to achieve anything like this at all, even if the Finance Minister can find funds for me to complete this target.

I won't go further into the advantages and disadvantages of the industrialised housing system, because that itself would constitute a debate. Although in yesterday's *Straits Times* several reasons were given why the prefabs halted in Singapore, I would like to quote something in the *Far East Architect Builder Magazine*, July 1965, an article written by the same gentleman, who made this statement yesterday, who is the Chief Architect of the Singapore Housing and Development Board, Mr Teh Cheang Wan. Now, in this article, he concluded by saying this:

"On the other hand, one should not be so shortsighted as to come to the conclusion that prefabricated method of construction is not suitable in Malaysia and therefore should not be further studied. The industrialised method of construction has made great advances in the last ten years, and I am of the opinion that further advances would be made in the coming years. With modifications to suit local conditions, it can be beneficially adopted for use in Malaysia in the future."

Well, with that, I would like to repeat what I have said yesterday, that this Ministry is convinced that the adoption of the industrialised housing system will go a long way in alleviating the very serious housing problem in this country.

Question put, and agreed to.

The sum of \$29,576 for Head S. 60, and the sum of \$14,535 for Head S. 78 ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 64—

Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Enche' Sulaiman bin Bulon): Dato' Pengerusi, satu peruntukan wang sa-banyak \$173,820 adalah di-pohonkan supaya Dewan ini meluluskan di-bawah Kepala 64—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya tidak hendak berchakap panjang di-dalam peruntukan ini kerana semua huraian, kenyataan, penjelasan, yang berkaitan dengan peruntukan ini ada-lah disebutkan di-dalam Kertas Perintah No. 37 tahun 1965 ini, di-muka 40 dan 41. Sa-belum itu, saya suka hendak menjelaskan; Wakil daripada Bachok tidak ada di-sini, ia-itu peruntukan ini bukan-lah satu peruntukan lawatan mengejut saya ka-Kelantan, sa-bagaimana yang sangat di-takutkan oleh Yang Berhormat itu, tetapi sa-mata² ia-lah suatu peruntukan yang di-nyatakan di-dalam Kertas Perintah No. 37 ini.

Bagitu juga saya suka menarek perhatian Dewan ini, yang sa-olah² lawatan saya ka-Kelantan itu telah tidak bagitu berjaya dan ada kemungkinan, kerana di-Kelantan baharu² ini permainan kapak kechil—boleh jadi kalau tidak berhasil—kapak besar menanti dan menunggu saya disana. Jadi saya suka-lah hendak mengatakan sama ada berjaya atau tidak lawatan saya ka-Kelantan itu, bergantung-lah kepada Kerajaan Kelantan sendiri. Apa yang sudah diberikan dan apa yang sudah di-siasat, kemudahan² dan juga apa yang dikehendaki oleh ra'ayat Kelantan telah pun di-salorkan kepada Kerajaan negeri Kelantan. Jadi saya harap orang² kita di-Kelantan, tidak-lah menyalahkan kepada apa yang saya lawat di-Kelantan itu, bahkan apa yang mereka kehendaki telah pun di-salorkan dan di-harap Kerajaan Kelantan, dengan apa yang telah di-siasat itu dan apa yang telah di-berikan itu dan apa yang telah kita jalankan itu, dapat menjayakan. Terima kaseh.

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit di-dalam Kepala S. 64 Sub-head 32—Kongres Ekonomi Bumiputera yang pehak

Kementerian ini memohonkan sa-banyak \$35,200 dan telah pun di-belanjakan dengan jalan Contingencies Fund sa-banyak \$31,000.

Tuan Pengerusi, Kongres ini telah pun mendapat sambutan yang baik daripada seluroh bangsa Melayu dan bumiputera di-dalam negeri ini, sebab mereka memahami dan mereka yakin bahawa Kongres Bumiputera ini benar² matalamat atau pun tujuannya akan memberi hasil dan memberi ertikata yang sa-benar²-nya kepada bumiputera. Tetapi yang mendukachitakan kita, Tuan Pengerusi, ia-lah masaalah ta'arif bumiputera ini, sa-sudah timbul persoalan dan pertanyaan dalam Rumah yang mulia ini, maka jawab Tunku Perdana Menteri mengatakan, bumiputera ini belum ada ta'arif-nya lagi dan siapa sahaja boleh di-panggil atau pun mahu jadi bumiputera.

Tuan Pengerusi, mungkin Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar akan menjawab dan akan mengatakan bahawa soal bumiputera ini ada-lah soal kechil. Tetapi kapada saya, sabagai sa-orang bangsa Melayu dan bangsa Melayu yang lain yang merasakan diri-nya bahawa mereka ada-lah bumiputera sedangkan dalam Undang²—dalam Perlembagaan Negeri ini—belum di-tentukan lagi, maka nyata-lah Tuan Pengerusi, Kongres ini menjadi satu Kongres propaganda atau pun Kongres yang membuat di'ayah dan tidak akan dapat hasil yang banyak daripada Kongres Bumiputera ini.

Tuan Pengerusi, saya yakin dan perchaya, kalau kita panggil sa-mula Kongres Bumiputera kali yang kedua dan kita memberitahu bahawa mereka tidak ada apa² di-dalam ertikata Undang², saya perchaya-lah mereka akan marah, sebab bukan sahaja Kerajaan yang akan membelanjakan, atau pun telah di-belanjakan, sa-banyak \$35,200, seluroh bangsa Melayu dan bumiputera yang datang menghadhiri Kongres ini, telah pun membelanjakan tidak kurang, barangkali berpuluh ribu ringgit, rupa²-nya mereka telah di-permain²kan dan mereka kechewa. Apa-kah sebab-nya saya mengatakan demikian; Tuan Pengerusi. Hasil dari-

pada Kongres Bumiputera ini telah membuat beberapa ketetapan dan mengikut apa yang di-terangkan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Timbalan Perdana Menteri, mengatakan bahawa Kongres Bumiputera ini telah pun memutuskan atau pun membuat 69 ketetapan dan daripada 69 ketetapan itu, 4 daripada yang besar-nya telah pun berjalan dan sedang berjalan sekarang ini.

Yang pertama-nya, Tuan Pengerusi, ia-lah Majlis Amanah Ra'ayat, yang kedua-nya Bank Bumiputera, yang ketiga-nya Badan Kebangsaan dan yang keempat-nya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

Jadi, Tuan Pengerusi, yang saya mengatakan mengechewakan Bumiputera atau pun bangsa Melayu, kerana mengikut keterangan yang telah di-terangkan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, mengatakan bahawa daripada keputusan Kongres Bumiputera itu telah lahir-lah Bank Bumiputera dan Bank Bumiputera itu dibantu oleh Kerajaan sa-banyak \$5,000,000 dan saham² (share²) itu akan di-buka atau pun di-beri peluang kapada bangsa Melayu dan bumiputera negeri ini. Sa-sudah segala wang itu terkumpul, Tuan Pengerusi, maka wang itu bukan sahaja akan di-beri kapada seluroh bangsa Melayu dan bumiputera, bagi menjalankan perusahaan² dan perdagangan untuk meninggikan taraf ekonomi bangsa Melayu dan bumiputera dalam negeri ini, tetapi orang Melayu mengumpulkan wang itu, kemudian wang itu akan di-beri kapada semua ra'ayat negeri ini atau pun semua warganegara negeri ini.

Tuan Pengerusi, yang menjadi masaalah-nya, orang² Melayu atau pun bumiputera negeri ini, memang payah hendak mendapat sa-suatu perusahaan dan perdagangan atau pun hendak mendapat sa-suatu konterek, sebab mereka kekurangan modal dan bermacham² ketinggalan di-dalam lapangan konterek, perdagangan dan perusahaan. Jadi wang \$5,000,000 ini, mungkin ada beberapa banyak lagi, akan di-kumpulkan daripada saham² yang akan di-beli oleh bangsa Melayu dan bumiputera negeri ini. Maka oleh

kerana mereka ini payah mendapat sa-suatu konterek atau pun pekerjaan, boleh jadi wang yang terkumpul itu tidak akan dapat di-belanjakan oleh bumiputera tetapi akan dapat dipinjam oleh orang² yang bukan bumiputera. Apakala sampai pehak bangsa Melayu dan bumiputera dalam negeri ini sudah mendapat satu konterek atau pun mendapat sa-suatu ranchangan untuk mendapat wang, boleh jadi wang di-dalam tabong Bank Bumiputera itu telah kurang dan mungkin tidak menchukupi sa-bagaimana kehendak yang di-minta oleh bumiputera itu. Jadi, ini saya harap-lah supaya Menteri yang berkenaan mengkaji dan menyusun peratoran²-nya supaya jangan lagi bangsa Melayu kita ini, dipermain²kan begitu sahaja, hasil-nya tidak begitu penoh bagaimana apa yang di-kehendaki—bagaimana kata pepatah Melayu—Kongres Bumiputera atau pun Bank Bumiputera ini ia-lah endah khabar dari rupa.

Kita tidak mahu lagi perkara yang sa-macham ini berlaku dan menimpa kapada bangsa Melayu. Kalau berlaku dan menimpa lagi kapada bangsa Melayu, saya yakin dan perchaya, bangsa Melayu akan bangkit dan bumiputera di-dalam negeri ini akan bangkit dan akan menchari sa-suatu saloran yang lebeh boleh menolong nasib mereka pada masa yang akan datang. Jadi ini, Tuan Pengerusi, saya pandang bukan-lah satu soal yang kecil tetapi ini ada-lah satu soal yang besar dan saya harap supaya ta'arif bumiputera ini di-tentukan dengan sa-chepat mungkin oleh Kerajaan Perikatan dan oleh Kabinet Perikatan ini, supaya persoalan ini tidak menjadi rumit dan sulit bagi melaksanakan ranchangan² yang sedang berjalan dan akan di-jalankan oleh MARA (Majlis Amanah Ra'ayat) ini. Sekian, Tuan Pengerusi.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya ingin hendak berchakap sedikit di-bawah Kepala S. 64, Pechahan-kepala 12 ia-itu Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, telah memohon kapada Rumah ini Tambahan Perbelanjaan sa-banyak \$132,000 untuk membayar elaun kapada Penye-
lia Daerah Pelajaran Dewasa. Maka

berma'ana-lah wang yang akan di-perbelanjakan oleh Kerajaan, di-dalam saloran ini, berjumlah kelak \$1,096,800 pada tahun 1965. Pada perasaan saya, tidak-lah saya salah kalau saya katakan di-sini, ia-itu wang yang sa-banyak ini, yang akan di-gunakan dan di-churahkan oleh Negara ini kapada Pelajaran Dewasa, telah tidak memberi kehasilan yang memuaskan hati. Dengan sebab pertama-nya, di-antara orang² Melayu sendiri yang di-kampung², ada-lah tujuan Kelas² Dewasa yang telah di-dirikan di-serata tempat di-seluruh negara ini, ia-lah hendak membasmikan buta huruf di-antara orang² yang telah lepas masa-nya daripada persekolahan. Dan yang kedua-nya ia-lah tujuan-nya hendak memberi pelajaran di-dalam bahasa kebangsaan kapada penduduk² di-seluruh negara yang bukan daripada keturunan bangsa Melayu.

Saya hendak menyingkatkan per-chakapan saya dan menyatakan sedikit kapada keadaan kelas² dewasa yang saya sendiri mengetahui tidak begitu baik perjalanan-nya di-dalam kawasan saya sendiri. Kerana sambutan daripada pehak orang² kampung yang di-harapkan dan di-nanti²kan itu tidak begitu elok di-dapati dan banyak kali-nya ada-lah guru² di-kelas² dewasa itu, chuma mengatakan ada murid²-nya, tetapi di-atas kertas, dan apabila pergi tengok di-mana dia mengadakan kelas dan berapa orang yang dudok di-dalam kelas, di-bangku kelas itu di-dapati, "What! sa-tahun sudah Che' Gu tidak datang". Tetapi-nya Kementerian-nya mendapat bill tiap² bulan untuk empat kelas sudah di-ajar di-dalam bulan itu dan elaun ini di-tuntut dan sudah tentu-lah Kementerian ini telah membayar segala elaun-nya yang di-tuntuti itu.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Ahli Yang Berhormat menyatakan, mana satu kelas yang telah terjadi begitu kerana kalau kita chakap sa-chara 'am bagini, tidak-lah begitu sangat di-beratkan. Tetapi kalau sa-benar²-nya ada kelas yang merupakan, ada guru tidak ada murid ini, boleh-lah kita bertindak.

Dato' Dr Megat Khas: Tuan Pengerusi, saya berchakap dengan 'am itu

kerana kalau sa-kira-nya saya berchakap dengan khusus-nya, di-namakan guru² dan kawasan² nampak sangat-lah tidak elok. Jadi dengan sebab itu, saya rasa, kalau saya chakap dengan 'am, itu menarek perhatian Menteri yang berkenaan, tentu-lah boleh dia menyiasat. Saya sendiri, kalau sa-kira-nya berkehendakkan keputusan dalam perkara itu, sila-lah tanya Pengelola di-dalam negeri itu, ta' usah tanya Penyelia Daerah, tidak usah tanya guru² di-sekolah² dewasa di-kampung², tanya Pengelola di-dalam negeri yang mana sekarang ia organinser-nya. Jadi di-sini saya berchakap, bukan saya membangkang tetapi

Mr Speaker: Sambong balek karang. Persidangan ini di-tempohkan hingga pukul 6.00 petang ini.

Sitting suspended at 5.00 p.m.

Sitting resumed at 6.10 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

THE SUPPLEMENTARY SUPPLY (1965) (No. 2) BILL

Committee

Debate resumed.

Dato' Dr Haji Megat Khas: Tuan Pengerusi, bagi menyambong sedikit lagi, saya suka-lah menyatakan di-sini ia-itu saya tidak sa-kali berniat ia-itu tambahan yang di-pohonkan daripada Rumah yang berbahagia ini, di-tahan atau pun di-kurangkan. Tetapi dengan beberapa hormat-nya saya suka-lah mengeshorkan ia-itu kelas² dewasa, yang ada sekarang berjalan di-seluruh negara, hendak-lah di-kelolakan dengan chara mengadakan susunan (organisation) yang baharu. Kerana kalau kita tidak perbuat demikian, tentu-lah penchurahan wang yang sa-bigini banyak, \$1,096,800 pada tahun ini, ia-lah saperti juga kita menchurahkan wang di-dalam parit, tidak ada apa guna-nya, membazir bagi pehak Kerajaan, kerana kehasilan yang di-dapati itu tidak-lah begitu banyak.

Yang kedua, saya minta izin menyentoh sedikit dalam perkara mengajar bahasa kebangsaan di-dalam kelas

dewasa ini juga, kapada orang² yang bukan daripada keturunan orang Melayu. Di-sini juga sambutan-nya tidak begitu elok, kerana sa-panjang yang saya tahu di-dalam kampung², sa-memang-lah orang yang bukan Melayu itu tidak ada berapa ramai dudok di-situ dan sambutan daripada mereka itu tentu-lah tidak baik di-dalam kawasan² kampung, malahan di-dalam kawasan bandar sa-kali pun boleh-lah kita katakan, ia-itu sunggoh pun Kerajaan telah menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan dan mengadakan Minggu Perpaduan, Minggu Bahasa, Bulan Bahasa dan sa-bagai-nya, tetapi apabila habis Bulan Bahasa atau pun Minggu Bahasa, balek-lah chara² perhubungan berchakap diantara satu dengan lain itu, balek kapada macham dahulu juga.

Jadi saya suka-lah hendak memendekkan cherita, kalau sa-kira-nya kita hendak mendapatkan kehasilan yang baik di-atas wang yang di-churahkan begitu banyak itu, hendak-lah di-adakan susunan yang lebeh baik, kerana pada hari ini, yang sa-benarnya saya tahu, ia-itu Kelas² Dewasa di-adakan di-mana² sahaja tempat yang boleh, bukan-nya hanya di-tempat² yang tetap. Jadi, berma'ana-lah kalau ada tempat yang lapang atau pun tempat bertedoh, walau pun kandang atau pun kandang lembu pun jadi-lah. Jadi, ini tempat-nya tidak menarek hati kapada orang yang hendak pergi belajar bahasa kebangsaan itu di-dalam Kelas² Dewasa ini. Sa-patut-nya hendak-lah di-adakan tempat kelas² itu supaya menarek hati.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, di-mana-kah ada-nya barangkali kelas itu di-kandang kerbau. Harap-lah bagi tahu, boleh-lah di-siasat, boleh-lah di-pinda, boleh-lah di-susun. Sebeb kelas ini terlampau banyak dalam sekitar negara kita ini. 11,000 Kelas yang ada di-seluruh tanah ayer kita ini, tidak tahu-lah saya hendak mengikut ucapan ini—yang mana satu hendak di-tuju—kelas yang mana yang dalam kandang kerbau. Itu-lah minta pada Ahli Yang Berhormat memberi tahu yang mana satu supaya senang saya menjalankan kerja.

Dato' Dr Haji Megat Khas: Tuan Yang di-Pertua, saya akan bagi tahu sa-chara bersurat, kerana saya tidak suka hendak membukakan tembelang kita ini di-dalam Rumah yang bahagia ini. Kalau sa-kira-nya berkehendakkan penerangan, saya akan beri tahu.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Jadi, Tuan Pengerusi, terima kaseh-lah, kalau Ahli Yang Berhormat ada ingatan macham itu tidak mahu hendak buka kain di-sini, itu-lah yang saya harapkan. Elok-nya biar-lah bagi tahu saya dengan surat atau dengan mulut, supaya perkara ini di-ambil tindakan. Tetapi kalau kita bawa bagini, begitu-lah yang mana di-chap oleh Yang Berhormat itu tadi.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang berchakap sadikit berkenaan dengan Kementerian ini ia-itu berkenaan dengan perbelanjaan bagi Kelas² Dewasa.

Kelas Dewasa telah di-adakan dimerata² cherok rantau dan kampung di-dalam tanah ayer kita ini, nampaknya memberikan sa-penoh² faedah yang besar kepada penduduk², terutama sa-kali penduduk² di-kawasan luar bandar, yang pada masa dahulu kebanyakan-nya buta huruf di-sebabkan telah menjadi mangsa penjajahan bertukar ganti semenjak beratus² tahun dahulu, lebeh² lagi pada masa itu beberapa kepayahan dan kesukaran orang ramai atau pun anak² masharakat untuk pergi ka-sekolah² yang jauh daripada tempat tinggal mereka itu, di-sebabkan oleh ketiadaan jalan raya dan ketiadaan sekolah di-tempat tinggal mereka.

Di-sini saya mengambil kesempatan menguchapkan tahniah kepada Kementerian ini, yang telah merancang Rancharan Pelajaran Dewasa itu dan kepada orang² yang melaksanakan pelajaran dewasa di-kampung², terutama sa-kali kepada Pengelola², Penyelia² dan khas-nya kepada guru² Kelas² Dewasa, terutama sa-kali saya bagi mithal pada tempat saya sendiri, pegawai² yang saya sebutkan tadi telah bekerja dengan bersungguh², giat dan saling mengerti dengan mendapat kerjasama yang sa-penoh²-nya daripada

Wakil² Ra'ayat, Ketua² Kawasan, Penghulu² dan daripada pehak² berkenaan, yang menyebabkan siang dan malam telah di-adakan Kelas Dewasa begitu maju-nya. Sa-kali lagi, melalui Dewan yang mulia ini, saya mengambil kesempatan menguchapkan sa-tinggi² tahnian dan terima kaseh.

Apa yang saya suka hendak sebutkan di-sini, sa-panjang pengetahuan saya, kebanyakan pelajar² kelas dewasa itu ada-lah terdiri daripada wanita² dan tidak banyak kedapatan kelas itu di-turuti oleh pehak kaum laki². Ini satu perkara yang harus di-pandang berat oleh Kementerian ini dan menchari satu jalan sa-daya upaya supaya semua sa-kali pelajar² dan orang² ramai yang termasuk dalam lengkungan buta huruf itu dapat belajar bersama². Satu daripada perkara, menurut pendapat saya, tidak lain dan tidak bukan, bahawa sudah tiba masa dan ketika-nya bagi pehak Kementerian ini membuat suatu Undang² Peratoran mewajibkan tiap² penduduk di-Malaysia ini mesti-lah belajar bahasa kebangsaan. Kerana kita sedia ma'alum bahawa tujuan Kelas Dewasa itu, bukan-lah sahaja untuk mengajar membacah dan menulis, tetapi pada hakikat yang sa-benar²-nya ia-lah untuk memberikah pelajaran atau pun mengajar bahasa Melayu atau di-katakan bahasa kebangsaan yang moden yang sa-suai dengan bahasa yang rasmi yang akan di-jadikan bahasa kebangsaan pada tahun 1967 akan datang

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, apa-kah maksud bahasa Melayu yang moden, chuba tolong terangkan?

Enche' Othman bin Abdullah: Saya akan terangkan. Apa yang saya katakan bahasa Melayu yang moden, kerana kita sedia ma'alum, keseluorhan orang² Melayu pandai berchakap bahasa Melayu, tetapi mengikut perkembangan bahasa pada hari ini, bahasa kebangsaan akan di-jadikan bahasa rasmi; bahasa tunggal, bahasa pemerentahan, yang sesuai yang di-keluarkan di-surat khabar, yang di-keluarkan menerusi radio, talivishen, sharahan² bijak dan pandai. Tetapi

kalau sa-kira-nya, orang² Melayu kita, tidak mengikuti betul² erti atau istilah bahasa baharu yang di-chakapkan sekarang ini, di-ajarkan sekarang ini, atau pun yang di-keluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang ini, akan ketinggalan orang² itu daripada mengetahuⁱ erti yang sa-benar²-nya. Kerana apa, saya dapati di-kampong², bukan saya hendak merendahkan orang² kita tetapi kita hendak menekan supaya orang² kita, belajar chara meluas bahasa kebangsaan itu. Mithal-nya kebanyakan orang membeli radio hanya mendengar lagu² begitu bagini, lagu² yang bagus²,—lagu² barat, lagu² Hindustan dan sa-bagai-nya—tetapi kalau sa-tiba-nya warta berita, ulasan² berita, mithal-nya, maka dengan sendiri-nya di-tutup sementara radio itu. Apa-kah sebab-nya begitu? Bukan-lah di-sebab oleh habis battery, bukan-lah di-sebabkan sebok kerja, tetapi apa yang di-chakapkan di-dalam siaran radio dengan bahasa baharu sekarang ini, kebanyakan orang² tidak mengerti, di-sebabkan mereka tidak mengikuti buku², pelajaran², istilah² baharu, pengertian perkataan² baharu. Itu-lah sebab²-nya saya katakan, bahasa kebangsaan yang moden yang akan sesuai dengan keadaan pemerintahan pada hari ini.

Jadi, saya sukachita menarek perhatian pehak yang berkenaan, supaya dapat mengadakan satu peratoran yang mewajibkan orang ramai supaya belajar bahasa kebangsaan, sa-kurang²-nya dapat mengerti bukan sahaja dapat menulis dan membacha, tetapi dapat mengikuti perkembangan bahasa kebangsaan—bahasa Melayu—bahasa kebangsaan yang ada pada hari ini. Bukan sahaja apa yang saya katakan tadi ini mewajibkan orang Melayu belajar bahasa Melayu, bahasa yang mereka mengerti (*Gangguan*).

Mr Speaker: Saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat, ini masa dalam Jawatan-kuasa. Jadi pergi kepada butir²-nya, wang yang sa-banyak itu, chukup-kah, tidak-kah, kurang-kah, lebeh-kah. Itu sahaja, tidak usah-lah sa-macham

Enche' Othman bin Abdullah: Terima kasih, ma'af ucapan saya,

Tuan Pengerusi. Bukan sahaja yang kita minta supaya di-kuatkuasakan kepada orang² Melayu belajar bahasa Melayu tetapi kepada semua warga-negara kerana apa yang saya katakan tadi, takut barangkali orang² Melayu pada masa yang akan datang, akan di-sebut satu kalimah ia-itu kalimah Melayu *sam-sam* yang tidak mengerti bahasa-nya sendiri mengikut perkembangan baharu. Apa yang saya ketahuⁱ ia-itu di-kawasan saya sendiri, banyak di-antara orang² yang asal-nya daripada Siam yang tinggal lama² di-sini, berchampur gaul dengan orang² Melayu, sa-tengah berchakap Melayu dan sa-tengah berchakap Siam dan kalau balek ka-Siam atau balek ka-Bangkok, chakap Siam-nya sendiri pun orang² Siam tidak mengerti, kerana orang² Siam pun sudah berchakap bahasa kaluang ia-itu bahasa Siam yang moden. Begitu-lah chara-nya.

Sekian-lah, Dato' Pengerusi, dan sekali lagi saya minta pehak yang berkenaan mengambil perhatian dan sekali lagi saya mengambil kesempatan menggulong ucapan saya dan meng-ucapkan banyak terima kasih kepada Kementerian ini, yang telah menganjorkan kelas² pelajaran dewasa, samuga apa yang kita maksudkan bahawa bahasa yang moden yang dapat di-ni'mati oleh semua bangsa akan maju terus dan akan sesuai-lah menjadi bahasa kebangsaan yang tunggal pada masa hadapan untuk kepentingan ekonomi, untuk kepentingan kebangsaan kita di-dalam negara Malaysia kita ini. Sekian, terima kasih.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya hendak berchakap sedikit berkenaan dengan Head 64 Item No. 109 dalam Command Paper 37 berkenaan dengan wang yang kita hendak minta sa-banyak \$138,600 ia-itu oleh kerana kita hendak membayar kepada Penyalia² yang baharu kita lantek kira² sa-banyak 88 orang.

Tuan Pengerusi, saya rasa saya minta-lah Menteri, tidak back benchers, bertanggung-jawab ada-kah benar sa-bagaimana penerangan yang di-beri oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Utara ia-itu

kalau-lah kerja² kita, berkenaan dengan pelajaran dewasa ini, begitu luas, saya minta-lah Menteri kita ini minta lebeh banyak lagi daripada \$138,600, sebab kerja², hendak menjalankan bahasa² moden ini, termasuk Pensharah² yang mempunyai kebolehan dalam linguistic, tidak-lah memadai dengan guru² yang lulus kelas V, VI di-kampong² itu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan bahasa, saya ada belajar tiga bahasa, termasuk bahasa China, dalam satu tahun saya belajar di-sekolah China. Jadi saya dapati mempelajari bahasa, terutama daripada segi filasafah linguistic, amat-lah payah dan tidak boleh di-jalankan di-dalam kelas dewasa ini, tetapi boleh-lah di-jalankan dalam Language Institute atau pun di-sekolah yang khusus untuk mempelajari bahasa. Ada pun memasokkan perkara² itu ka-dalam pelajaran kelas dewasa, ini-lah yang kita akan membazirkan wang perchuma sa-bagaimana yang di-katakan Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar itu, kerana kerja² yang sa-macham itu tidak munasabah dan saya pun bersetuju bahawa wang ini di-buang ka-parit, jangan di-buang begitu sahaja, di-buang ka-parit, maka Ahli Parit pun akan suka-lah sebab wang itu di-buang ka-sana semua harta orang Perak.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, yang sa-benar-nya banyak-lah orang salah faham berkenaan dengan sama ada kita hendak menolong Kerajaan kita membenarkan supaya di-minta wang yang sa-banyak ini kerana, pada pendapat Kerajaan sendiri berlainan dalam penerangan-nya dan pendapat Ahli back benchers lain dan pendapat Ahli daripada Kuala Kangsar pula berlain. Jadi erti-nya kami Pihak Pembangkang ini, pada asas-nya, kami bersetuju kelas dewasa ini, kerana memang pun dalam satu² negara itu kita tidak dapat lari daripada hendak memberi pelajaran kepada orang² buta huruf ini. Tetapi kalau-lah dasar kelas dewasa ini di-buat, sa-bagaimana yang di-sebut²kan oleh Ahli² back benchers, saya rasa, dunia mana pun tidak dapat memandang kita tinggi dalam chara pelajaran, kechuali-lah kalau Menteri kita dapat memberi jaminan, bahawa

apa yang di-katakan oleh Ahli back benchers itu memang nonsense belaka.

Enche' Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, untok penjelasan. Dalam ucapan saya tadi bukan-lah sa-mata² menitek beratkan untok mengajar bahasa Melayu—bahasa kebangsaan yang moden—macham yang saya katakan tadi, ada-lah di-samping kita mengajar menulis dan membacha di-kelas² dewasa tadi, maka akan dapat-lah mereka itu mengechap atau mengetahui sedikit sa-banyak. Kerana satu daripada kunchi pandai menulis, dan pandai membacha itu, maka dapat-lah orang ramai mengikuti perkembangan bahasa kebangsaan yang ada pada hari ini, bukan untok mengajar bahasa, kerana banyak college² yang boleh mengajar bahasa

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Dan itu apa, Tuan Pengerusi, saya mempunyai sijil berkenaan dengan linguistic ini. Kalau Ahli itu mahu bertanggung-jawab saya boleh chabar di-luar, kita menunjukkan. Saya bukan berchakap daripada sentiment, saya ahli bahasa dalam itu. Minta ma'af, Tuan Pengerusi, biasa-nya orang kata "quid pro quo momentum" saya serang balek apa yang dia kata itu. Saya minta ma'af.

Tuan Pengerusi, lagi satu dalam kelas dewasa ini yang saya mengeshor-kan, kalau kita boleh sa-lain daripada kita mengajar alif, ba, ta, huruf itu, kita dapat membetulkan dan men-selarkan loghat di-antara bahasa, mithal-nya, di-Kedah, Johor, Perlis, di-Kelantan, bunyi hujung-nya tidak sama. Macham Ahli dari Perlis itu tentu-lah tahu bahawa ayer itu kalau di-Perlis kata ayar. Jadi, perkara² yang macham ini, saya rasa, kalau kita dapat per-betulkan, ada lebeh baik daripada kita membawa orang² itu mengechap nikmat bahasa² yang moden. Saya rasa ini lagi lebeh hampir untok kita mema-hamkan perkara² yang di-siarkan dalam radio atau pun kita buat siaran daerah di-Perlis dan di-Kedah, sa-bagaimana Kelantan telah buat. Jadi, itu satu usaha dalam kita meninggikan kelas dewasa ini.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan bahasa kebangsaan,

kalau kita hendak memperkenalkan kepada orang² yang bukan Melayu sepatutnya-lah daripada kita mengadakan Supervisor (Penyelia) lebih baik kita belanjakan wang itu untuk anak² Melayu yang mempunyai asas pelajaran² China, kemudian dia mengajar pula chara yang kita hendak mengajar adult class itu, jadi dapat-lah dia mengajar orang² China dan India dengan aliran yang mudah mereka itu faham.

Di-negeri Kelantan, Tuan Pengerusi, ada sa-orang bernama Ahmad dan dia pandai dalam bahasa China. Pada satu hari, sa-orang Ahli Parlimen daripada Formosa datang ka-sana dan dia menjadi juru bahasa ketika dia melawat Pusat Pengajian Islam Tinggi di-Kelantan, yang saya sendiri sa-bagai Setia-usaha-nya. Kalau Ahli² Yang Berhormat hendak pergi melawat, boleh-lah. Jadi erti-nya, Tuan Pengerusi, dia mencheritakan kepada saya dan saya hadir dalam kelas itu, chara dia mengajar bahasa Melayu kepada orang China dan bahasa China kepada orang Melayu, amat-lah chepat, rupa²nya bukan-lah kerana dia mengerti sahaja, tetapi method of teaching dia belajar dan dia tahu. Jadi Supervisor ini, Tuan Pengerusi, pada saya, tidak begitu penting, tetapi teachers itu, orang yang tahu method hendak mengajar itu ada-lah lebih penting daripada Supervisor itu, Supervisor chuma melawat sahaja, dan banyak-lah perkara yang berlaku. Pendek kata, orang yang ikhlas dan waras otak-nya, sa-bagai-mana Ahli dari Kuala Kangsar, dia sanggup mengatakan bahawa wang² itu lebih baik di-buang ka-dalam parit sahaja. Jadi itu-lah patut-nya Menteri yang berkenaan itu memikirkan supaya dapat di-perelok, dan yang saya minta sa-kali ia-lah Menteri memberi ulasan (comment) di-atas apa yang di-chakapkan oleh Ahli dari Perlis itu tentang ia-kah polisi kelas dewasa yang samacham itu, Terima kaseh.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya suka berchampur sedikit berchakap dalam Kepala 64 Pechahan 109 dan saya akan sambong dalam No. 110—berkenaan dengan Kelas Dewasa memang betul-lah ranchangan, bagi pehak

Perikatan, dan Kerajaan kita yang dahulu-nya saban masa, sa-belum Ahli Yang Berhormat daripada Bachok ini bertukar orang, kita selalu mendengar bahawa kelas dewasa ini tidak guna begitu bagini, tetapi alhamdulillah, apa yang telah menjadi kenyataan hari ini, kita bershukor juga bahawa banyak di-antara orang kita yang tidak boleh lagi hendak di-tanjol hidong-nya dengan ada

Enche' Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Kelas Dewasa berbeza daripada Pelajaran Dewasa. Kelas Dewasa itu yang kami tentang perjalanan-nya, sa-hingga Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar mengatakan karut, tetapi Pelajaran Dewasa itu lain dengan Kelas Dewasa.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak:

Tuan Pengerusi, kalau hendak membawa perbahathan berkenaan dengan hal, sama ada Pelajaran Dewasa atau Kelas Dewasa itu, saya rasa boleh juga di-antara kita berdiri masing² menegaskan apa yang patut kita hendak chakapkan. Tetapi, pada dasar-nya sekarang ini, seluruh negeri kita sudah mengalu²kan dan benar dapat kenyataan yang terang, apa yang telah di-lakukan oleh Kementerian ini dalam masaalah Pelajaran Dewasa, sama ada kelas-nya daripada tidak baik menjadi baik sampai sekarang ini—telah pun di-ketahui sa-umum-nya. Jadi tentu-lah bagi pehak Kementerian ini di-uchapkan tahniah, tetapi saya suka hendak berchakap sedikit, saya rasa banyak juga Ahli² yang bersetuju dengan pendapat saya ini, kelas ini telah diadakan sa-hingga peringkat tinggi dan kebanyakan, sa-bahagian daripada-nya, telah pun sampai kepada peringkat akhir dan telah pun mendapat sijil daripada Kementerian ini. Tetapi apa yang sa-benar-nya pada hakikat, pehak Kerajaan kita menubuhkan Kelas² Dewasa ini, dahulu tidak lain dan tidak bukan: yang pertama sa-kali kita hendak membasmi buta huruf di-kalangan ra'ayat kita di-cherok kampung, tidak boleh lagi barangkali ketinggalan dalam hal² mengechap pelajaran dari segi pembacaan dan lain², maka di-samping itu hendak-lah

sama, bagi pehak kita hendak mem-basmi buta hati, bagi pehak ra'ayat atau pun orang² yang tertinggal. Jadi, saya nampak daripada Kementerian ini atau pun daripada kelas² itu juga telah membuahkan berbagai chara, sa-lain daripada mengadakan kelas dan, se-karang telah di-hubongkan-nya dengan mengadakan khutub² khanah, saya rasa patut di-perhatikan daripada sekarang, ada-kah agak² kita, bagi pelajar² yang telah tamat pelajaran yang sekarang ini, akan renggang terus daripada arahan kita hendak membasmi buta hati di-antara ra'ayat kita yang belum dapat mengechap nikmat pelajaran menerusi pembacaan atau lain² itu. Saya harap juga-lah, bagi pehak Kementerian ini akan dapat menembus lagi sa-perengkat kepada tujuan kita yang asal ia-itu hendak membuka mata hati pehak ra'ayat seluroh-nya, mengenali lebih dekat pelajaran² dan lain² yang bersangkutan paut dengan kehidupan kita pada saban masa.

Yang kedua, saya suka menyentuh sedikit dalam Command Paper No. 37 ini Pechahan 110—berkenaan dengan Konggres Ekonomi Bumiputera. Perbelanjaan kita sudah keluar dan kita nampak pada hari ini, pehak Kerajaan telah pun daripada mula-nya, membuka jalan supaya di-adakan Konggres ini dan buah-nya telah mula tumbuh hidup, tetapi bagi pehak saya suka memberi sedikit pendapat, ia-itu Konggres ini patut di-adakan untuk mengulang kaji, kerana apa yang diputuskan oleh Konggres barangkali tidak dapat di-jalankan dengan 100 peratus. Kalau kita tengok pun apa yang telah ada pada hari ini dan daripada itu tentu-lah, pehak peserta Konggres atau pun orang² yang chintakan kemajuan, terutama sa-kali atas ketinggalan ekonomi daripada pehak bumiputera ini, akan dapat mengulang kaji dari masa ka-masa. Saya harap juga Kementerian ini akan dapat menganjorkan Konggres² ini pada masa² yang patut di-adakan, sa-telah pelaksanaan yang kita buat sekarang mula daripada masa ka-masa. Terima kaseh.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-bawah Item No. 110, sebab

saya belum berchakap lagi di-bawah item itu.

Mr Chairman: Ta' boleh, sebab tuan telah berchakap tadi sa-patut-nya disakalikan.

Enche' Lee Sek Fun: Mr Chairman, Sir, I wish to touch on Head S. 64, Subhead 109. According to the explanation in the Treasury Memorandum for the Second Supplementary Expenditure for 1965, it states:

"An additional sum of \$138,600 is required to meet the payment of allowances to the 88 newly-appointed Supervisors and Assistant Supervisors of Adult Education for the period from August to December, 1965. At present there are only 16 Chinese Supervisors and Assistant Supervisors in the States of Malaya to supervise the teaching of the National Language to non-Malays especially the Chinese in Adult Education Classes. This number has proved to be inadequate for the purpose".

So, I wish to draw the attention of the Minister concerned that till to date, out of this 88 new Supervisors who have been appointed to respective areas, there is not even one non-Malay Supervisor posted in my constituency. *(Laughter)*.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, saya chuba-lah hendak menjawab dengan sa-berapa rengkas-nya dalam bidang soalan² yang di-kemukakan tadi. Wakil dari Besut maseh lagi tidak puas hati dengan ta'arif bumiputera dan meminta supaya saya sendiri pula membuat ta'arif yang bersesuaian. Saya

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Untuk penjelasan. Saya tidak minta Menteri ini membuat ta'arif. Saya mengatakan pehak Kerajaan dan Kabinet ini menentukan ta'arif atau pun membuat ta'arif-nya sa-berapa chepat yang boleh, oleh kerana ta'arif-nya itu belum ada lagi.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Baik-lah, Tuan Pengerusi, jelas-lah apa yang telah di-sebutkan-nya tadi dan saya perchaya fahaman telah pun sedikit sa-banyak di-dapati daripada pendapat yang telah di-berikan oleh Tunku sendiri.

Kemudian berpaling kepada MARA, Bank Bumiputera, Lembaga Pemasaran

Pertanian Persekutuan dan sa-bagai-nya, ini, saya rasa perkara² yang sa-umpama ini maseh boleh di-bahathkan dalam masa kita mengadakan per-bahathan belanjawan kita dan saya tidak-lah berupaya, masa ini, hendak menjelaskan lebeh panjang dalam soal itu, kerana perkara² yang di-hadapan kita ini ia-lah sa-mata² berkaitan dengan perbelanjaan elaun dan sa-bagai-nya bagi guru² dewasa dan peruntokan yang telah di-bayar, kerana mengada-kan Konggeres Bumiputera. Sekarang ini saya berpaling kepada Wakil atau pun Yang Berhormat dari Kuala Kangsar. Saya sangat menaruh keper-chayaan kepada Ahli Yang Berhormat ini yang dia sendiri faham dan tahu serta di-harapkan berdamping rapat dengan kelas², guru², penyelia² dan pengelola pelajaran dewasa sendiri di-Perak, tetapi, nampak-nya sa-hingga ini belum lagi Yang Berhormat itu dapat berdamping rapat, kerana kalau-lah tidak salah ingatan saya, masa persidangan Parlimen kita yang lepas dahulu, perkara ini juga ada di-kemukakan oleh Yang Berhormat itu sendiri.

Jadi, kawasan² yang di-katakan-nya ada kelas, ta' ada pelajar, dan guru hanya mendapat elaun perchuma, maka perkara yang sa-umpama ini patut-lah Yang Berhormat itu kemukakan ka-pada saya, atau pun kepada pengelola di-sana, dan boleh-lah di-ambil tin-dakan. Baharu ini—baharu sa-bentar tadi, saya juga telah berhubung dengan Pengelola Negeri dan telah memberi-tahu perkara ini, telah pun tidak ber-bangkit, kerana guru ini telah pun di-ambil tindakan dari semenjak dahulu. Ada juga Yang Berhormat itu menge-shorkan supaya di-adakan satu susunan yang baharu di-atas memajukan lagi gerakan pelajaran dewasa ini, maka memang-lah sudah di-adakan chara²-nya dan untuk hendak menambahkan lagi dan memajukan lagi, hendak mem-perkuatkan lagi, maka itu-lah di-minta peruntokan ini di-tambah pada tahun ini dengan mengadakan lagi penyelia² dan lain² yang boleh membawa supaya perkara ini dapat di-jayakan, dapat di-majukan dan kita tahu baik² bahasa kebangsaan ini ia-lah bahasa yang akan menggantikan bahasa Inggeris dan

bahasa yang lain², dan bahasa itu akan di-jadikan bahasa rasmi, maka sudah menjadi kewajipan Kerajaan untuk hendak membolehkan tiap² ra'ayat dalam negeri ini berbahasa bahasa kebangsaan.

Jadi tentang menchurahkan wang ini ka-dalam parit dan sa-bagai-nya, maka ini tidak-lah kena pada dasar kita, kapada daya upaya kita hendak mem-bohkan anak negeri ini berdiri di-atas kaki sendiri, kalau mereka tidak mem-punya'i pelajaran sedikit sa-banyak-nya dan tidak mempunyai asas kedudukan mereka sendiri untuk membolehkan mereka ini bergerak di-atas kaki sen-diri, maka tentu-lah seperti mana yang kita katakan. "Si-bodoh jadi makanan si-cherdek, lagi bodoh, lagi dapat-lah kita gunakan mereka itu". Wal hal kita tidak berhajat kepada ra'ayat kita seperti mana yang telah terjadi sa-masa kita di-jajah.

Sekarang ini, kapada wakil kita dari Perlis, saya menguchapkan terima kaseh, kerana banyak perkara² yang telah di-sebutkan-nya itu ia-lah menyokong dan memberikan pendapat yang baik di-dalam soal kita hendak mema-jukan kelas² pelajaran dewasa dan pelajaran dewasa sendiri.

Yang Berhormat dari Bachok nampak-nya bersetuju di-atas apa dasar yang telah kita jalankan tentang gerakan pelajaran dewasa ini. Saya menguchapkan sebanyak terima kaseh. Tetapi seperti mana yang dia kata tadi, kalau-lah pelajaran yang di-beri kepada pelajar² ini tidak begitu menguntong-kan, tidak boleh memperbaiki taraf mereka, maka wang ini patut di-buang ka-dalam parit. Jadi, perkara yang sa-umpama ini tidak-lah patut di-sebut-kan, kerana kita tahu baik² bahawa ini-lah satu jalan dan ikhtiar bagi kita semua hendak mengubah fahaman orang² kita di-luar bandar dan juga supaya mereka mengenalkan diri me-reka sendiri sa-bagai ra'ayat dalam negeri ini, dan dengan demikian mem-bohkan mereka menghadapi segala apa

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Saya tidak-lah mahu—yang sa-benar-nya saya tidak bermaksud begitu dan saya

pun tidak mahu hendak menyebutkan bahawa duit itu di-buang ka-dalam parit. Sa-bagai sa-orang Member of Parliament, walau pun di-pehak Pembangkang, tidak-lah saya sampai bagitu gelojoh, tetapi yang saya maksudkan buang ka-parit, saya kaitkan dengan Ahli dari Parit itu—Parit sa-bagai satu kawasan. Jadi, saya tidak-lah biadab sangat hendak menyebutkan buang duit itu. Saya tidak mahu bagitu, itu barangkali silap saya, sebab saya menggunakan perkataan “Parit” itu ada dua *synonym-nya*, ia-itu parit betul dan Parit nama tempat di-Perak dan saya kaitkan dan saya berchakap pula Perak—ada saya kata Perak barangkali, Tuan Pengerusi, ingat! (*Ketawa*).

Dato’ Dr Haji Megat Khas: Dalam perkataan saya tadi, membuang wang ka-parit itu ia-lah sa-bagai kiasan, bukan-nya hendak di-ambil perkataan satu persatu daripada istilah-nya, tetapi dalam context atau pun erti-nya. Jadi, saya harap ia-itu Menteri yang berkenaan tidak-lah mengatakan saya mengambil wang itu, tarok dalam parit—tidak bagitu, itu kiasan dalam chakap² kita. Chakap dalam bahasa Melayu itu sahaja-lah ada chakapan macham itu.

Mr Chairman: Chakap mithalan—buang ka-parit, bukan buang betul², tetapi chakap mithalan.

Enche’ Sulaiman bin Bulon: Saya menguchapkan terima kaseh, nampak-nya semua tidak siapa pun yang membangkang soal ini dan tentang penjelasan yang di-minta tadi di-atas sama ada benar apa yang telah di-chakapkan oleh wakil daripada Perlis Utara maka kita sendiri faham di-atas kedudukan dasar yang kita jalankan dalam bidang hendak membasmu buta huruf. Jadi bukan-lah satu pelajaran yang boleh membawa mereka hingga mendapat jawatan² yang tinggi, jawatan besar, tetapi hanya-lah memberikan asal pelajaran yang boleh mereka dapat bergantung dan bergerak dan berfikir sa-chara² faham yang baharu ini. Dan dengan demikian sahaja-lah mereka boleh dapat hidup sama dengan mereka² yang telah maju, yang telah berjaya dalam negeri kita ini.

Enche’ Abu Bakar bin Hamzah: Ada-kah kita hendak menggunakan bahasa Melayu modern itu dalam kelas dewasa—itu yang saya hendak tahu.

Enche’ Sulaiman bin Bulon: Jadi bahasa Melayu modern tidak di-kira di-mana tempat-nya walau pun dalam kelas dewasa atau di-mana juga.

Enche’ Abu Bakar Hamzah: Tuan Pengerusi, jawapan itu berpusing²—ini orang Maktab Dewan Bahasa ada—itu linguistic punya term, itu jaga sadikit Maktab Dewan Bahasa ada, jangan pusing bagini. Saya hendak tahu ada-kah bahasa Melayu modern itu di-masokkan dalam kelas dewasa.

Mr Chairman: Ini dah sampai dua² berdiri sa-kali—macham mana ini. Sudah-kah—habis-kah?

Enche’ Sulaiman bin Bulon: Jadi bahasa Melayu modern ini tidak samata² terletak di-kelas² pelajaran dewasa, tetapi juga dalam segi pelajaran yang tinggi². Jadi ma’ana-nya tidak di-hadkan di-mana juga bahasa Melayu modern ini, kalau hendak dipakai. Itu mengikut kemahuan sendiri. Jadi dalam kelas pelajaran dewasa ini, tidak ada di-hadkan—tidak ada yang di-tentukan.

Enche’ Abu Bakar Hamzah: Dasar *hanyatism*-lah, kalau bagitu. Tuan Pengerusi, bagaimana Menteri kita bagi penerangan bahawa tidak di-hadkan syllabus

Mr Chairman: Dudok-lah sa-kejap. Kalau na’ chakap—hendak bertanya, dudok-lah sa-kejap. Bagi peluang dia berdiri berchakap—sila.

Enche’ Abu Bakar Hamzah: Tuan Pengerusi, kalau sahabat saya itu izinkan, saya tompang bertanya, sebab saya pun tolong juga buat kerja kelas dewasa, walau pun saya pehak pembangkang. Jadi saya hendak tahu, adakah dasar Melayu modern itu di-masokkan atau pun ta’ tentu—tidak di-hadkan dasar-nya. Jadi susah-lah saya hendak berkerjasama dengan Kerajaan. Sebab, ini akedamik, bukan kempen. Bahasa ini kita hendak tetapkan.

Enche’ Sulaiman Bulon: Bahasa yang di-ajar dalam kelas pelajaran

dewasa ini bukan bahasa akedamic—tidak ada bahasa yang begitu tinggi yang di-ajar kepada mereka. Jadi jangan-lah di-minta supaya di-adakan bahasa modern, bahasa apa dan sa-bagai-nya, dalam kelas pelajaran dewasa. Kalau hendak di-pakai bahasa modern, boleh di-pakai. Itu terpulang-lah kepada guru—bagaimana berat-nya guru ini mengajar mereka.

Enche' Abu Bakar Hamzah: Tidak-lah termasuk sa-bagai dasar, sa-bagaimana Ahli di-Perlis berkata—itu-lah yang saya hendak tahu.

Enche' Sulaiman Bulon: Itu tidak pula di-katakan tidak—mungkin ada.

Enche' Abu Bakar Hamzah: Terima kaseh, Tuan Pengerusi.

Enche' Sulaiman Bulon: Jadi saya rasa tidak ada-lah apa benda lagi yang hendak di-sebutkan dan perkara² yang di-kemukakan oleh saudara kita, Yang Berhormat dari Bachok. Melainkan tentang loghat chakap sa-buah negeri ka-sabuah negeri—itu ikut-lah loghat sendiri. Tidak ada larangan. Yang hendak di-kata membuat semua loghat itu satu, itu tidak ada dalam dasar kita suroh berbuat demikian.

Enche' Abu Bakar Hamzah: Tuan Pengerusi, untok penjelasan, benda ini bahaya besar. Sebab di-Perak, ia-itu di-Parit

Mr Chairman: Penjelasan apa lagi?

Enche' Abu Bakar Hamzah: Jadi, bagi penjelasan, saya minta ia-itu, saya hendak tahu ada-kah benda itu di-ajar supaya di-betulkan. Sebab pelat bahasa ini bahaya. Pada satu masa—terjadi di-Parit, Perak, ia-itu sa-orang home guard—pasokan auxiliary polis—bukan home guard—dia pergi menjaga kampung. Jadi apabila dia masuk pergi ka-dalam—saya ada sama² di-situ—di-shaki ada bandit di-situ. Jadi, apabila dia sampai di-situ, dia “stand to” dengan senapang bagitu *di-tunjokkan dengan isharat*. Dia ber-jumpa paya—paya dalam bahasa Melayu tempat orang bertanam padi. Kemudian dia undor ka-belakang,—dia berteriak buat² paya (*fire!*) Orang pun tembak—pam-my bunyi senapang (*Ketawa*). Jadi itu pelat.

Enche' Sulaiman Bulon: Jadi, Tuan Pengerusi, tentang loghat ini, ta' upaya-lah. Tetapi kalau dari segi pengajaran-nya ada-lah sama—kalau kita kata “a” di-sana pun sebut “a” juga, tidak pula “ah”. Bagitu-lah yang kita hendak, kelas² pelajaran dewasa ini di-ajar. Hendakkan loghat ini di-samakan, ini mustahil-lah boleh kita buat. Kerana orang Kelantan menyebut Kelantan itu, Kelantea! Jadi orang Perak kata Kelantan itu Kelantan. Jadi macham mana kita hendak aleh perkara ini semua.

Jadi, ada suara daripada wakil Melaka Utara, supaya pelajar² yang tamat ini akan di-sambong sedikit pelajaran, supaya mereka itu tidak bagitu renggang di-dalam bahasa yang telah di-ajar kepada mereka itu. Jadi suka-lah saya memberi tahu, ia-itu pelajar² yang sudah tamat tiga tahun, kita adakan berbagai² pelajaran tambahan, saperti, memasokkan mereka itu di-dalam latehan pertanian dan juga getah, dan juga kita hantar mereka ini mengambil bahagian saperti hadir dalam kursus tata-ra'ayat dan sa-bagai-nya. Jadi dengan itu, dapat-lah mereka ini menggunakan pelajaran yang di-berikan kepada mereka sa-lama tiga tahun.

Wakil Tanjong Malim tadi, telah bertanya, yang dalam kawasan-nya, belum ada lagi penyelia dewasa China dalam kawasan dia sendiri. Sa-benarnya, di-Perak belum lagi kita dapat jalankan dan sunggoh pun negeri² lain sudah kita mula memilih mereka ini, tetapi belum lagi dan maseh lagi mereka itu dalam timbangan. Di-harapkan dalam masa yang tidak berapa lama lagi, di-mana tempat² yang munasabah—mana tempat yang di-fikirkan boleh di-letakkan penyelia itu, kita akan letakkan. Dan kita akan gunakan mereka ini untok mengem-bangkan lagi, memajukan lagi, kelas² pelajaran dewasa yang menggunakan bahasa kebangsaan untok mereka yang bukan Melayu. Sekian-lah sahaja ucapan saya yang di-khaskan untok kali ini—di-timbang—di-luluskan.

Question put, and agreed to.

The sum of \$173,820 for Head S. 64 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 65, S. 66, S. 69, S. 70—

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon): Tuan Pengerusi, saya minta izin Kepala S. 65, Kementerian Pengangkutan \$19,316. S. 66, Penerbangan Awam \$11,000, S. 69, Jabatan Laut \$11,650 dan S. 70, Jabatan Laut Borneo States (Negeri² Borneo) \$128,450 supaya menjadi sa-bahagian daripada Jadual ini, kerana Kepala² ini di-bawah Kementerian saya. Oleh kerana sudah terang di-jelaskan di-dalam Command Paper 37 keterangan² ini tidak payah-lah saya hendak terang-kan lagi. Sa-kira-nya ada pertanyaan boleh saya terangkan, terima kaseh.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya hendak berchakap sedikit sahaja berkenaan dengan Head 65 ini, ia-itu item 111 dan 112 ini saya sokong penoh-lah, sebab yang pertama ini kita beri belanja Menteri kita berjalan—menjalankan kerja²-nya yang banyak. Dan yang kedua kita perelokkan rumah dia. Patut juga-lah rumah Menteri kita ini elok. Jadi, saya sokong penoh-lah itu.

Lagi satu, Head 66 pun saya menderima kaseh juga sebab sudah di-minta \$30,000 ini. Saya minta-lah kalau diizinkan oleh Menteri ini—saya minta tolong terang dalam bahasa Melayu, saya ta' faham penerangan yang \$30,000.

Dato' Haji Sardon: Tuan Pengerusi
.....

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Saya ingin hendak berchakap—hendak comment di-atas wang \$30,000 ini “providing security”—ini saya minta pengertian Melayu.

Dato' Haji Sardon: Ini di-padang kapal terbang yang lama, bukan yang baharu ini, sa-belum di-tinggalkan, sudah di-peruntokkan untuk sa-bagai padang terbang “military”. Walau macham mana pun itu di-bawah penerbangan awam maka peruntokan \$30,000 itu kerana memagar keliling padang terbang military itu supaya lebih aman dan terselamat saperti Yang Berhormat selalu mengingatkan saya. Sokong-lah jangan banyak cha-
kap lagi.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah:

Itu-lah yang saya hendak sokong ini, sebab saya takut hilang² kapal terbang pula lagi. Jadi bila ada “security” bagini, saya sokong penoh-lah yang itu. Saya ucap tahniah-lah banyak kepada Menteri kita sekarang ini yang dengan ini saya perchaya-lah kapal² terbang ta' kan mungkin berlaku hilang lagi.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya

ingin bertanya kepada Menteri Pengangkutan berkenaan dengan perbelanjaan yang ada di-sini ia-itu untuk penerbitan risalah penerbangan sa-banyak \$45,000. Saya sendiri dapat lihat risalah ini dan sunggoh pun risalah ini sangat elok, tetapi pada perasaan saya wang sa-banyak \$45,000 untuk risalah ini ia-lah satu perbelanjaan yang boleh di-katakan melampau kalau kita banding, umpama-nya, berkenaan dengan Kongres Ekonomi Bumiputera yang di-jalankan sa-lama 3 hari chuma menelan belanja sa-banyak \$35,200, sebab apa-kah risalah ini berharga \$45,000. Dan saya ingin tahu juga di-mana risalah ini di-chetak dan sebab² yang harga-nya begitu tinggi, terima kaseh.

Dato' Haji Sardon: Tuan Pengerusi, saya suka hendak menerangkan ini bukan-lah wang—hanya wang yang \$45,000 ini kerana naskhah ini, 15,000 naskhah di-chetak dengan harga \$3.00 satu naskhah. Jika di-dzarab tiga kali 15,000 jumlah-nya \$45,000. Tetapi daripada i'lan yang 60 muka itu pada satu muka \$750, kita sudah terima wang dapat balek \$38,250 daripada i'lan. Maka \$45,000 tolak \$38,250 hanya tinggal \$7,000 lebih dan kita telah setujukan di-jual satu naskhah \$1.00 sa-banyak 7,000 naskhah ia-itu berjumlah \$45,250. Maka kita ada lagi baki 8,000 naskhah yang kita edarkan kepada Kedutaan² kita dan kepada ahli² perniagaan dan sharikat² kapal terbang seluroh dunia dan ini satu chara mengenalkan padang dan bangunan kapal terbang yang baharu lagi moden kerana kita harap banyak kapal terbang ka-mari. Dengan chara macham ini-lah satu i'lan yang paling baik kapada dunia seluroh-nya. Maka

yang sa-benar-nya tidak rugi. Kembali balek wang perbelanjaan \$45,000 itu.

Question put, and agreed to.

The sums of—

\$ 19,316 for Head S. 65;

\$110,000 for Head S. 66;

\$ 11,650 for Head S. 69;

\$158,450 for Head S. 70

ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 72—

The Minister for Welfare Services (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan supaya peruntukan wang sa-banyak \$270,000 di-bawah Kepala-kecil S. 72, Kementerian Kebajikan 'Am, menjadi sa-bahagian daripada Jadual. Keterangan² berkenaan dengan permohonan ini ada di-dalam Treasury Memorandum yang nombor 37 tahun 65 ini.

Wan Hassan bin Wan Daud (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya tidak-lah hendak berchakap panjang dalam S. 72 ini, chuma saya ingin meminta dan mendapat keterangan yang lebeh lanjut lagi daripada Yang Berhormat Menteri Kebajikan 'Am ini tentang butir² atau pun rupa bantuan yang telah di-beri kapada tanggungan² orang² tahanan ini sa-chara lebeh "detail" sadikit, kerana apa yang terchatit di-dalam ini amat-lah meragukan dan saya perchaya bukan sahaja saya, bahkan kebanyakan daripada Ahli² Yang Berhormat yang lain tidak mendapat satu keterangan yang jelas dalam hal ini.

Enche' Khoo Peng Loong (Sarawak): Mr Chairman, Sir, speaking under this Head, I hope the Honourable Minister will consider the case of Sarawak detainees now detained in Batu Gajah. I know of a case in which the family of a detainee has to live on donations from friends for more than two years. This detainee is the sole wage earner, and the family has no other property or land from which they could derive any income. There may well be other cases. I would, therefore, ask the Honourable Minister to look into this matter.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahathan Kepala ini ia-itu minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan perbelanjaan khas ini ada-kah dapat di-terima sama oleh keluarga Enche' Ahmad Boestamam yang sedang dalam tahanan. Sa-kira-nya ta' dapat, saya merayu-lah kapada Menteri yang berkenaan supaya dapat menghulorkan bantuan kapada keluarga-nya. Sebab-nya saya simpati ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana beliau ini telah di-tinggalkan pertolongan oleh parti-nya sendiri, bagaimana kita tahu saperti, mana yang telah di-siarkan dalam surat khabar, itu sahaja.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Pengerusi, bantuan yang di-beri kapada satu² keluarga yang memohon bantuan ada-lah di-antara \$15 sampai \$75 pada satu² keluarga sa-bulan, mula² daripada bulan Mei tahun 1965 ini, mengikut bilangan keluarga itu dan sa-hingga ini hanya 64 keluarga sahaja yang telah meminta dan dapat di-beri bantuan, dan wang yang di-beri ada-lah lebeh kurang \$10,000 sa-hingga hari ini. Dan ada juga di-antara keluarga² orang² tahanan yang tidak mahu menerima bantuan sunggoh pun mereka itu layak di-beri bantuan. Dan sa-kira-nya ada keluarga² yang menderita oleh kerana tidak dapat bantuan, mereka itu akan di-timbangkan untuk di-beri bantuan.

Bagi menjawab pertanyaan dan rayuan yang di-buat oleh ahli daripada Sarawak itu, perkara itu akan di-siasat dan di-ambil perhatian.

Berkenaan dengan keluarga Ahmad Boestamam itu harus-lah sudah termasuk, kalau tidak termasuk boleh-lah kita timbangkan.

Question put, and agreed to.

The sum of \$270,000 for Head S. 72 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 73 and S. 74—

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to take both Heads S. 73 and S. 74 together, and beg

to move that the expenditure shown under Head S. 73—\$104,310, and under Head S. 74—\$48,000, be approved.

The details are contained in Command Paper No. 37 of 1965.

Question put, and agreed to.

The sums of \$104,310 for Head S. 73 and \$48,000 for Head S. 74 ordered to stand part of the Schedule.

Clauses 1 and 2 ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE FEDERAL STATUTE LAW REVISION (SUITS AGAINST RULING HOUSES) BILL

Second Reading

The Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister (Enche' Chen Wing Sum): Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to repeal the Laws of the States of Kedah, Negri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor and Trengganu relating to suits against the Ruling Houses of those States" be now read a second time.

Sir, Article 181 (2) of the Constitution provides that no proceedings whatsoever shall be brought in any Court against the Ruler of a State in his personal capacity. However, certain State laws restrict civil suits being brought in the State concerned against not only the Ruler but also his consort and other members of his family. These States laws are unconstitutional because they are contrary to Article 8 of the Constitution. There is no provision in the Federal Constitution, which authorises the restrictions or prohibitions of civil proceedings against the family or consort of the Ruler of a State. The Laws protecting the consort and other members of the families of the Rulers were enacted in the States of Kedah, Negri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor and Trengganu. No such legislation exists in Johore and Kelantan.

This Bill will remove from the various Statute Books the laws con-

cerned so as to bring those Statute Books into line with the Federal Constitution.

Mr Speaker, Sir, I also wish to emphasise here, and I hope Honourable Members would appreciate, that this Bill has obtained the Royal consent of Their Highnesses the Rulers of all the States concerned.

Sir, I beg to move.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin tuan, saya turut sama hendak bakhath berkenaan dengan Rang Undang² nombor DR. 87/65 ini ia-lah berkenaan hendak meminda Perlembagaan Negeri atau pun State Laws di-beberapa negeri supaya undang² itu sa-laras dengan butir² yang di-rakamkan di-dalam Perlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penoh Bill ini kerana ini-lah satu Bill yang chuba menegakkan hak asasi manusia, dan saya perchaya banyak lagi bill² yang akan di-kemukakan oleh Kerajaan yang mempunyai nada dan tujuan yang sa-macham ini. Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah satu kemajuan dalam dunia demokrasi ia-itu kita tidak mahu-lah di-dalam sa-sabuah negara itu, sa-lain daripada ketua negara itu sendiri atau pun orang² yang tertentu yang di-fikir munasabah, mendapat hak yang sa-macham itu ia-itu ka-istimewaan, hak² yang sa-macham itu tidak di-beri kepada orang lain kerana ini sa-olah², kalau kita jalankan bagitu juga, kita menyambungkan perkara² yang lama nampak-lah demokrasi di-negeri kita ini menyinggong hak² asasi manusia.

Tuan Pengerusi, di-dalam Islam inilah dasar yang besar-nya sa-kali, sebab ugama Islam tidak memandang yang tinggi, yang rendah dari segi hak asasi terutama berkenaan dengan kesalahan² yang dapat di-bawa ka-dalam mahkamah untuk menchari ke'adilan. Tuan Pengerusi, kita berbangga dengan Malaysia, apabila datang Bill ini sebab di-dalam dunia pada masa ini perkara² yang kita hendak buang itu maseh di-jalankan lagi, dan saya fikir perkara²

yang kita hendak buangkan ini maseh ada di-Timor Tengah dan ini-lah menyebabkan salah sa-orang saudara kita Ahli Yang Berhormat dalam Parlimen ini telah berchakap di-dalam U.N.O. baharu² ini, dan telah menimbulkan satu perbahathan yang hangat ia-itu saudara kita itu telah mengeluarkan kata² yang pedas berkenaan dengan hak asasi manusia. Tuan Pengerusi, jatoh-nya satu² umat ia-lah kerana kita tidak menghormati hak asasi manusia. Di-dalam Islam ada satu hadith yang berbunyi, saya sebut Tuan Yang di-Pertua, ia-itu bunyi-nya : Innama halaka minqablikum al-lazina iza talqa min-humu sharif tarakuhu wa iza saraka min humulwaba akumu 'alaihim had ... erti-nya sejarah memboktikan tidak lenyap-nya satu² umat dan bangsa itu melainkan apabila sa-orang yang mulia di-dalam umat itu bila menchuri mereka itu lepaskan tidak di-hukum.

Tetapi kalau orang biasa menchuri mereka itu di-hukum. Jadi, ini saya menguchapkan tahniah kapada Menteri² Perikatan sama ada yang Islam dan yang bukan Islam, ia-itu mereka sa-makin sa-hari sa-makin hampir kapada Islam dan saya dengan Bill di-bawa dengan sa-chara Islam, tidak ada bangkangan langsung daripada pehak Pembangkang ini.

Tuan Pengerusi, saya berharap kapada Menteri Penerangan kita supaya boleh memberi tahu kapada surat² khabar sa-chara good will, bukan-lah memaksa, di-siarkan besok-nya besaran²—di-muka besar Undang² ini diluluskan dengan tidak ada bangkangan apa² di-pehak Pembangkang. Sebab ini mengenai hak asasi manusia dan satu perkara kemegahan bagi nation kita—national prestige. Jadi, saya tidak-lah hendak berchakap apa² yang lain, itu-lah saya hendak memberi tahniah dan saya minta lagi Menteri dalam perkara ini sa-makin sa-hari sa-makin insaf dan sa-makin rapat kapada Islam.

Enche' Chen Wing Sum: Mr Speaker, Sir, I have nothing to say in reply to the Honourable Member for Bachok except one single word of "Thank you" for his support to this Bill.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker in the Chair)

Clauses 1 and 2—

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dalam Clause 2, saya menguchapkan terima kaseh kapada Wakil² daripada Negeri Kelantan dan Negeri Johor di-dalam Dewan ini yang kedua² buah negeri ini Undang² yang kita hendak buang itu tidak ada, tetapi saya uchapkan dukachita kapada orang yang patut saya panggil bapa di-sini ia-itu Timbalan Perdana Menteri kita oleh kerana Pahang memang ada Undang² ini baharu sahaja di-kemukakan, sa-patut-nya sudah lama di-kemukakan perkara ini.

Question put, and agreed to.

Clauses 1 and 2 ordered to stand part of the Bill.

Schedule ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

ORDER OF BUSINESS

(S.O. 14 (2))

MOTION

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr Speaker, Sir, may I move, with the consent of my colleague, the Honourable Minister of Commerce and Industry, that we switch items 3 and 4, take item 4 first, under Standing Order 14 (2). Mr Speaker, Sir, I have got to go away and I would be grateful if that could be agreed to. In other words, we take the Ministers, Assistant Ministers and Parliamentary Secretaries Remunerations (Amendment) Bill straightway.

Question put, and agreed to.

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir: Sir, I beg to second.

BILL

THE MINISTERS, ASSISTANT MINISTERS AND PARLIA- MENTARY SECRETARIES RE- MUNERATIONS (AMEND- MENT) BILL

Second Reading

Enche' Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to amend the written laws relating to the remuneration of Ministers, Assistant Ministers and Parliamentary Secretaries" be read a second time.

The terms and conditions of service of Ministers, Assistant Ministers and Parliamentary Secretaries are provided for in the Ministers (Remuneration) Ordinance, 1957, the Assistant Ministers Act, 1960 and the Parliamentary Secretaries (Remuneration) Act, 1965 respectively, and the object of the present Bill is to amend these laws for the purpose, firstly, of providing a pension for life for a Prime Minister when he retires, and secondly, of providing personal accident benefits for Ministers, Assistant Ministers and Parliamentary Secretaries, or their dependants, in case they die in an accident. The manner, in which the various laws are to be amended, is set out in the three Schedules to the present Bill.

I think Honourable Members will agree that it is highly desirable that a man, who has reached the highest political office in the land, should not have to worry about his future in the matter of financial security and that no ex-Prime Minister of this country should, when he ceases to hold public office, be put in the position of having to look for a job in order to earn a living. This is the only consideration behind the proposal to provide an ex-Prime Minister with a pension for life. Perhaps, I should also add that a pension is paid to an ex-Prime Minister of the United Kingdom and to an ex-President of the United States of America and the practice is quite common in other democratic countries. In other words, what we seek to do by means of this Bill is nothing very extraordinary; in fact, it is in

accord with practice in other civilised countries in the world.

The Bill provides for varying rates of pension depending on the length of time a person has occupied the office of Prime Minister. The rates are \$1,000 per mensem for a person who has served less than three years, \$1,500 per mensem for a person who has served between three and five years and \$2,000 per mensem for a person who has served for five years or more.

Mr Speaker, Sir, I now come to the proposal to provide personal accident benefits for Ministers, Assistant Ministers and Parliamentary Secretaries. As Honourable Members are aware, Ministers, Assistant Ministers and Parliamentary Secretaries have to do a great deal of travelling in the performance of their duties and very often travelling by air is involved. The risk of an accident is always present, though happily remote as experience has proved. In addition we are now facing Indonesian confrontation which increases further the risk to life and limb. For these reasons, it is considered desirable that some security to dependants should be afforded in the case of death of a person who holds the office of Minister, Assistant Minister or Parliamentary Secretary. Similarly, in the case of injury, some relief should be granted to the incumbent.

There are two ways in which the Government can finance this scheme. The first method is to pay an annual premium to an insurance company to cover each individual and, in the event of an accident, payment will be made by the company concerned. However, it is the policy of the Government, and this has proved cheaper in the long run, to carry its own insurance, and this is what we intend to do.

The Bill provides for various rates for Ministers, Assistant Ministers and Parliamentary Secretaries; the rates for death are different from that for injury as should be the case. The scale for benefits should death occur by accident, is \$250,000 for a Minister, \$160,000 for an Assistant Minister and \$60,000 for a Parliamentary Secretary.

The benefits payable in the event of injury on the other hand, depend upon the degree of injury. For the loss of two limbs, the total loss of sight or similarly permanent and total injury, the Ministers will be paid \$500,000; Assistant Ministers \$320,000 and Parliamentary Secretaries \$120,000. Provision is also made for the payment of a percentage of these amounts in the case of a permanent but partial injury, the percentage depending on the degree of disablement as determined by a medical board. For the loss of one limb or the sight of one eye, a payment of \$250,000 will be made to Ministers, \$160,000 to Assistant Ministers and \$60,000 to Parliamentary Secretaries.

A similar scheme will be brought to this House to cover Members of Parliament who meet with an accident and administrative arrangements will be introduced to provide similar cover for Political Secretaries and private individuals, who are called upon to carry out Government duties.

During the Committee Stage, I will propose a number of amendments to the Bill, which have already been laid before the House. The medical facilities referred to therein have not only been provided for Parliamentary Secretaries and Members of Parliament, they have been given the force of law in so far as these two categories of M.P.s. are concerned. In point of fact, these facilities are also enjoyed by Ministers and Assistant Ministers by virtue of the fact that they are Members of Parliament and payment for such purpose has been made from the appropriate vote. It is, therefore, desirable, that the position should be regularised by law for Ministers and Assistant Ministers.

Mr Speaker, Sir, I beg to move.

Dato' Haji Sardon: Sir, I beg to second the motion.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin tuan, saya turut hendak berchakap berkenaan dengan Rang Undang² DR. 89/65 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ber-setuju-lah dengan pihak Kerajaan

bahawa di-dalam sa-sabuah negara itu mesti-lah dia ada Savings Clause, atau pun dia ada satu chara² menyelamatkan Menteri² kita ia-itu bukan-lah kerana mereka itu Menteri, tetapi kerana mereka itu terchatit di-dalam negara kita ini sa-bagai negarawan². Jadi saya menyokong Bill ini dengan beberapa syarat.

Yang pertama, kalau wang² yang kita minta atau pun Undang² yang kita akan luluskan ini di-maksudkan kepada negarawan², statesmen, bukan kerana Perdana Menteri atau pun Assistant Menteri, Parliamentary Secretary, oleh sebab orang² ini boleh di-katakan lantekan politik—political status—yang boleh di-pilih daripada orang biasa boleh jadi, mithal-nya, kalau kita dahulu yang jadi dresser pun boleh juga jadi Assistant Ministers, menjadi Secretary. Jadi orang² yang ini, orang biasa dia bukan negarawan. Jadi sebab itu-lah saya, kalau boleh, kalau Kerajaan—ini bukan saya menentang Bill ini, berchermat dalam melantek orang² kepada jawatan² yang mertabat-nya negarawan. Jadi dengan syarat itu-lah saya menyokong Bill ini dan ada tiga syarat lagi.

Syarat yang kedua, sudah bijak-kah kita pada masa ini mengambil tindakan yang sa-macam ini sebab, betul sa-bagaimana Yang Berhormat Menteri Kewangan kita mengatakan, ini sudah menjadi practice di-mana² negeri pun, tetapi Tuan Yang di-Pertua, dalam membuat satu undang² watak sa-sabuah negara itu tidak sama dengan watak negara² yang lain terutama kalau berbeza masa-nya pula, period, sedikit, jadi kalau amalan ini, custom ini atau pun amalan memberi jaminan bagini di-buat di-negara² Barat, erti-nya tidak mesti di-buat di-Timor, sebab Barat itu Barat, dan Timor itu Timor. Timor itu ta' boleh jadi Barat, Barat ta' boleh jadi Timor, sebab Barat itu Barat dan Timor itu Timor (*Ketawa*).

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, point yang ketiga ia-itu saya perchaya pihak Kerajaan berhati² dan berchermat² dalam perkara ini sebab kita hendak meminta public repercussion ia-itu kita hendak meminta wang di-sa'at

yang sa-macham ini, perasaan ra'ayat itu amat-lah memunchak ia-itu di-ketika kita mengenakan bermacam² tax, kita membuat undang² mengenakan taxation bagitu bagini, erti-nya wang kita ta' ada, hari² kita keriau kapada ra'ayat, tolong-lah, beli-lah Bond Pertahanan bagitu bagini, rupa-nya untok menjaga Menteri² ini ada duit yang spare, special, rupa-nya dudok situ. Jadi ra'ayat berfikir bagitu. Saya tidak berfikir bagitu, sebab saya tahu Menteri² kita ini bukan dia sahaja hendak bagi penchen, ini barangkali bagi Ahli² Dewan ini besok di-luluskan juga. Sa-kurang²-nya kalau dia ta' lulus penchen bagitu bagini pun elau Member² Parliament harus di-naikkan daripada \$750 lebeh, sadikit baharu-lah 'adil, baharu-lah siuman. Jadi dari segi itu, saya ta' adalah membangkang-nya, tetapi sudah-kah bijak kita menggunakan practice di-negeri² orang itu ka-dalam negeri kita pada sa'at yang sa-macham ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya kata bagitu kerana saya dukachita sadikit-lah sebab speech Yang Berhormat Menteri Kewangan kita dalam bahasa Inggeris, saya ta' berapa mengerti bahasa Inggeris ini, tetapi apa yang saya dapat, di-sini ia-itu dalam masa 10 tahun, negara kita ini berhutang, kalau saya ta' betul, boleh-lah I stand to be corrected, ta' apa-lah Menteri kita boleh betulkan (*Ketawa*). Ia-itu kalau betul terjemahan saya ini, pada tahun ini kita bertambah hutang lagi Federal Tax ini kita bertambah hutang \$340 million. Jadi kalau ra'ayat tahu-lah negeri kita ini bertambah hutang kita \$340 million, di-sa'at ini pun kita minta duit penchen pinjaman Menteri itu jatoh dia ini jatoh, kalau ta' tahu bawa motor-kar, pakai driver, jangan jatoh chepat sangat. Jadi ra'ayat mendengar ini, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang ini, orang pemerhati² ini dia berasa pening kepala, negara kita berhutang pada tahun ini \$340 million ta' ada duit. Kemudian daripada itu pula hendak chari pula duit ini untok Menteri hendak jaga Savings Clause kehidupan orang itu dengan alasan satu daripada-nya di-beri oleh Menteri Yang Berhormat tadi, konfrantasi Indonesia bagitu bagini, pada hal

konfrantasi Indonesia itu kalau datang perang, bahaya perang itu dia tidak pilih Menteri, ra'ayat pun kena dan Menteri akan terselamat daripada orang lain. Itu kalau saya tidak silap faham daripada satu daripada alasan yang di-berikan tadi. Saya suka-lah hendak bagi tahu pada Dewan ini dan orang² yang ada di-dalam Dewan ini, sama ada pemerhati² atau pun pegawai² Kerajaan, ia-itu pegawai² Kerajaan yang tidak boleh naik gaji-nya itu akan merasa pula Menteri² dapat penchen yang kami tidak naik tangga gaji, hutang pada tahun bertambah \$340 million, hutang lama berjumlah \$2,592 million hutang negara, orang Sabah dan Sarawak ketawa ini—\$2,592 million hutang, sampai waktu hari yang kita berchakap ini dan dia mengharapkan lagi bila chukup tahun ini akan bertambah lagi hutang itu \$32 million. Jadi kesemua-nya akan jadi, saya tidak tahu hendak jumlah, lambat sangat barangkali dalam \$2,644 million lebeh kurang bagitu, jadi di-ketika negara kita hutang sampai beribu² million, interest-nya berapa million ta' tahu lah yang hendak bayar—di-ketika itu Menteri kita ini tidak fikir macham mana-kah patut di-kemukakan Bill ini ia-itu di-ketika kita hutang beribu² million itu Menteri kita kemukakan satu Bill minta hendak membela Menteri², is not the time, bukan saya bangkang tidak, tapi tak kena pada masa-nya. Jadi di-sini-lah Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini boleh menyaksikan bahawa walau pun niat kita baik, tetapi kalau tidak kena masa time factor itu, itu juga menjadi sukat kapada bijak atau tidak bijak-nya Menteri² kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah kata saya lebeh bijak daripada orang itu, tetapi saya berkata bahawa jikalau mereka itu tidak memerintah saya akan memerintah di-situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah Menteri kita menjawab supaya jawapan-nya itu tidak menyebabkan Cabinet Kerajaan kita malu kapada ra'ayat dan kapada dunia dan supaya jawapan yang mutu-nya Dewan kita ini tidak malu kapada ra'ayat dan

dunia dan negara kita tidak malu kapada dunia dengan ada-nya Bill ini. Jadi sebab-nya kalau malu Dewan dan malu Cabinet orang² yang di-dalam Dewan ini sama ada yang di-sebalek sini di-sabalek pembangkang di-sana, bersama² menanggung malu di-dalam perkara ini. Jadi itu-lah saya harap supaya Menteri kita dan pehak Kerajaan kita boleh dengan jawapan²-nya itu menolak segala salah faham sama ada di-dalam atau pun di-luar terutama di-zaman yang kita sedang menghadapi konfrantasi daripada Indonesia. Sebab Indonesia nanti akan kata pemimpin² di-Malaysia ini sudah takut dan terpaksa meminta sedekah kapada ra'ayat untuk menjaga rumah-nya kalau terbakar, tetapi pemimpin² mereka itu tidak takut. Jadi ini boleh di-guna bermacam² senjata bagi luar negeri menikam negeri kita lebeh hebat lagi kereta² kapal terbang yang hilang, Tuan Yang di-Pertua. Terima kaseh.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill yang ada di-hadapan kita pada hari ini. Tetapi saya kurang faham di-dalam ucapan Ahli Yang Berhormat daripada Bachok tadi ia telah menyebutkan ia-itu Menteri² juga akan dapat penchen, tetapi di-sini yang di-sebut chuma Perdana Menteri sahaja. Perkara membuat insuran bagi Menteri² ia-lah perkara yang biasa, dan saya perchaya tidak berapa lama dahulu satu negara jiran kita telah membuat peruntukan sa-macham ini dan tidak ada siapa pun yang membuat tegoran². Jadi ini-lah satu perkara yang biasa yang tidak payah lagi kita membincangkan dan juga ini bukan-lah peruntukan sa-banyak \$500,000 atau sa-bagai-nya, tetapi chuma insuran sahaja. Dan bukan-lah kita mengeluarkan bayaran² ini melainkan kalau ada kejadian yang mana telah terchatit di-sini dan kalau ada kejadian ini bukan-lah Kerajaan yang akan membayar wang yang sa-banyak \$500,000 atau \$200,000 ini, tetapi ia-lah orang atau pun kompeni yang membuat insurance ini. Jadi ini bukan-lah belanja yang tidak kena pada masa-nya, dengan kerana boleh jadi sa-hingga tahun 1969 kita tidak akan

kena membayar wang yang sa-banyak ini. Terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Bill ini dan saya dapati Setia-usaha Politik tidak termasuk yang di-masokkan di-sini Setia-usaha Parliament sahaja. Ada-kah Setia-usaha Politik itu dianggap sa-bagai Ahli Dewan Ra'ayat, kalau tidak, di-harap di-tambah-lah.

Kebiasaan-nya, Tuan Yang di-Pertua, sa-orang kaki-tangan Kerajaan yang berkhidmat kapada Kerajaan sa-kira-nya kaki-tangan itu mati sechara mengejut, beliau akan di-beri hadiah sa-banyak sa-tahun gaji. Kalau di-banding dengan perkhidmatan² daripada Ahli² Dewan Ra'ayat, Ahli² Dewan Negara perkhidmatan daripada Menteri dan juga Perdana Menteri, sangat-lah berpatutan di-beri satu kemudahan istimewa masa sudah atau lepas tempoh perkhidmatan mereka itu. Jadi saya ucapkan terima kaseh kapada Menteri yang membuat pindaan supaya di-masokkan Ahli² Dewan Ra'ayat juga mengenai kemudahan sa-chara mati mengejut. Sa-lama ini, yang kita tahu sa-ramai lima orang Ahli² Dewan Ra'ayat yang telah meninggal dunia. Saya sendiri tahu sa-orang daripada sahabat saya wakil Seberang Selatan dahulu manakala beliau meninggal dunia, di-rumah-nya satu sen pun tidak ada yang hendak di-buat belanja di-atas mayat-nya. Ini-lah satu nasib sa-orang Ahli Dewan Ra'ayat yang chukup susah. Dengan ada-nya peruntukan atau undang² ini dapat-lah waris² Ahli yang meninggal itu menggunakan wang itu untuk kebaikan atau kemudahan yang di-tinggalkan-nya itu.

Saya berharap-lah sa-lain daripada mengadakan penchen kapada Yang Teramat Mulia Perdana Menteri atau pun siapa juga Perdana Menteri, di-masokkan juga penchen kapada Menteri² kapada Menteri² Muda dan kapada Ahli², Dewan Ra'ayat, kerana saya tahu di-Australia, Canada dan di-lain² negeri ada penchen di-beri kapada Ahli² Parliament yang sudah pun berkhidmat sa-lama lapan tahun. Jadi dengan chara ini dapat-lah Ahli²

Dewan Ra'ayat atau Ahli Dewan Negara yang boleh di-katakan kebanyakan-nya orang yang tidak ada mata pencharian tetap. Masa mereka berkhidmat atau masok bertanding pilihan raya ada yang telah meninggalkan kerja mereka itu sa-bagai guru, sa-bagai jawatan² yang lain. Mereka sa-hingga rela hilang penchen, hilang kenaikan pangkat kerana berkhidmat untuk negara. Oleh yang demikian saya berharap-lah supaya di-berikan pertimbangan oleh Jema'ah Menteri supaya di-masokkan juga pemberian penchen kepada Menteri² dan juga Ahli² Dewan Ra'ayat dan lain². Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I am grateful to the Honourable Member for Bachok and, although he makes some rather foreign noises, I believe he supports this Bill in principle. He referred to the large amounts of money which would be likely to be spent in case this Bill goes through. I would like to make it clear that this is a contingent liability and, as my Honourable friend, the Member for Kota Star Selatan, has already pointed out, it is only a contingent liability and will only arise if an accident, unfortunately, were to happen. But we know that in all these years no accident has ever happened. In fact, if I am not mistaken, even if this Bill had been in force, say, since 1948, I do not think the Government would have had to pay anything, because, as far as I can remember, not a single Member of the Government at this level has been killed in either an air crash or in a motor car accident or, for that matter, in any other accident. The bill for this Bill, is therefore, not as formidable as it might look on paper, and, therefore, the contention of the Honourable Member for Bachok that this would impose an unduly severe strain on Government finances is not, I think, really valid.

Even the Honourable Member's point that the public debt of Malaysia is too high is not, I think, quite true,

because although it stands at about \$2,500 million now, which is roughly a little more than one year's expenditure, many other countries—in fact, some of the richest countries in the world—have got a level of public debt which is far higher than this. Anyway, I need not belabour this point at this hour of the evening.

With regard to the matter of the pension for the Prime Minister, I think, I should say that this idea, in fact, originated from me in the Treasury and although this Bill was prepared some time ago, in fact, the Prime Minister refused to allow this Bill to come, forward, because he felt that this was not the right time for it.

In point of fact, the Prime Minister himself felt rather uneasy about this Bill, but I feel that we owe it not only to the Prime Minister but to this country to ensure that any person, who has been a Prime Minister should not be put in the invidious position of having to look for a job after he ceases to be Prime Minister. I do not think any sensible person in this country would quarrel with that view. It will be noted that there is no pension for any other Minister. I think the Honourable Member for Bachok probably misunderstood this part of the Bill.

With regard to the point about Political Secretaries, they are being provided for, as I have stated in my speech, by means of other arrangements. Therefore, their interests, I think, will be adequately safeguarded.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir

Mr Speaker: The Honourable Minister has made his closing speech, and I am going to put the question to the House.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time.

Mr Speaker: The House is adjourned till 10.00 a.m. tomorrow.

Adjourned at 8.00 p.m.